

LAPORAN PENYELIDIKAN

**HUBUNGAN MEDIA MASSA DENGAN PEGANGAN AKHLAK
DAN PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM**

PENYELIDIK:

**DR. AB. HALIM BIN TAMURI (KETUA PENYELIDIK)
ZARIN BIN ISMAIL**

KOD PENYELIDIKAN GG003/2003

**FAKULTI PENDIDIKAN,
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
2005**

**HUBUNGAN MEDIA MASSA DENGAN PEGANGAN AKHLAK
DAN PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM**

PENYELIDIK:

DR. AB. HALIM BIN TAMURI (KETUA PENYELIDIK)

ZARIN BIN ISMAIL

KOD PENYELIDIKAN GG003/2003

**FAKULTI PENDIDIKAN,
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
2005**

DR. AB. HALIM BIN TAMURI (KETUA PENYELIDIK)

ZARIN BIN ISMAIL

**HUBUNGAN MEDIA MASSA DENGAN PEGANGAN NILAI AKHLAK
DAN PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM**

Abstrak

Kewujudan bahan-bahan negatif daripada media massa sama ada dalam atau luar negara melalui akhbar, hiburan, VCD, DVD, TV, radio dan internet telah menimbulkan pelbagai masalah yang begitu serius kepada perkembangan remaja Islam masa kini. Hasil daripada perkembangan dan kemajuan teknologi dan kemudahan asas yang sempurna, kesan dan pengaruh media massa bukan sahaja dirasai oleh remaja di kawasan bandar, malah ianya turut melibatkan golongan remaja di kawasan luar bandar. Tujuan utama kertas kerja ini adalah untuk membincangkan satu kajian yang telah dijalankan di kalangan pelajar-pelajar Islam di Daerah Sabak Bernam, Selangor. Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti tahap pendedahan media massa di kalangan pelajar, mengenal pasti tahap minat mereka terhadap jenis-jenis kandungan dalam media massa dan menganalisis hubungan antara pendedahan media massa, tahap minat pelajar terhadap kandungan media massa dan pegangan nilai akhlak mereka. Kajian ini telah menggunakan satu set borang soal selidik dan kajian telah melibatkan seramai 398 orang pelajar Tingkatan 4 di Daerah Sabak Bernam.

Abstract

The influx of negative contents in the mass media, whether local or abroad through news papers, entertainments, VCD, DVD, TV, radio, and internet created menace and sinister consequences to the Muslim youths today. Due to the fast advancement and development of modern technologies, the mass media has been considered as one of the most important factors that gave a great impact and influence on the youths, not only to the urban dweller but also those in the remote areas. This aim of this paper is to discuss a study on the influence of mass media to the group of Muslim students in the District of Sabak Bernam Selangor. The objectives of the study are to determine the level of exposure to the mass media, types and the contents of mass media been exposed and chosen by the youths, and also to analyze the relationship between the influence of mass media and the internalization of their moral values. This study used a set of questionnaires to collect the data and a number of 398 Form 4 students from the District of Sabak Bernam, Selangor were involved as the sample of the study.

KANDUNGAN

KANDUNGAN		Halaman
ABSTRAK		ii
KANDUNGAN		iii
SENARAI JADUAL		vi
BAB 1	PENGENALAN	
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Pernyataan Masalah	3
1.3	Tujuan dan Objektif Kajian	5
1.4	Persoalan Kajian	6
1.5	Hipotesis kajian	7
1.6	Batasan Kajian	10
1.7	Kepentingan Kajian	11
1.8	Definisi Operasi	13
1.9	Penutup	15
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	
2.1	Pendahuluan	16
2.2	Pendidikan Akhlak daripada Perspektif Islam	16
2.3	Pendidikan Akhlak dalam Sistem Persekolahan	19
2.3.1	Konsep Akhlak dalam Islam	21
2.3.2	Pendidikan Akhlak di Peringkat Sekolah	24
2.3.3	Media Massa dan Akhlak Pelajar	26

	2.3.3.1	Pengaruh Media Massa Terhadap Pelajar	27
	2.3.3.2	Konsep Dakwah dalam Islam	29
	2.3.3.3	Pengaruh Media Massa dan Perkembangan Akhlak Pelajar	31
	2.3.3.4	Kajian tentang Media Massa di Daerah Sabak Bernam	35
2.4		Penutup	42
BAB 3		METODOLOGI KAJIAN	
3.1		Pendahuluan	43
3.2		Instrumen Kajian	43
3.3		Populasi dan Sampel Kajian	44
3.4		Jadual Kerja	45
3.5		Pengumpulan Data	45
3.6		Analisa Data	46
3.7		Penutup	46
BAB 4		DAPATAN KAJAIN	
4.1		Pendahuluan	47
4.2		Latar Belakang Responden	47
4.3		Analisa Statistik Deskriptif	50
4.4		Analisa Statistik Inferens	58
4.5		Penutup	69
BAB 5		PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN PENUTUP	
5.1		Pendahuluan	70
5.2		Perbincangan dan Rumusan	70

	5.2.1 Tahap Pendedahan Media Massa di Kalangan Pelajar	70
	5.2.2 Jenis Kandungan Media Massa yang Diminati Pelajar	71
	5.2.3 Tahap Pegangan Nilai Akhlak di Kalangan Pelajar	72
	5.2.4 Persepsi Pelajar terhadap Pengajaran Pendidikan Islam	73
	5.2.5 Perbezaan yang Wujud dalam Aspek Jumlah Pendedahan kepada Media Massa, Pegangan Nilai Akhlak dan Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Pendidikan Islam Berdasarkan Beberapa Pembolehubah Bebas	74
	5.2.6 Hubungan antara Beberapa Pembolehubah	75
5.3	Cadangan	76
	Rujukan	
	Lampiran	

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
1.1	Peraturan Program Televisyen di Saluran-Saluran Utama	4
2.1	Jumlah Premis yang Menjual Bahan Media Cetak	36
2.2	Jenis-Jenis Bahan Media Cetak	36
2.3	Jenis-Jenis Saluran Televisyen Astro	38
2.4	Jumlah Kafe Siber di Daerah Sabak Bernam	41
3.1	Anggaran Jumlah Sampel Kajian	44
3.2	Perancangan Kajian	45
4.1	Jantina Responden	48
4.2	Aliran Akademik	48
4.3	Gred Mata Pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR	48
4.4	Tahap Bacaan al-Quran	48
4.5	Kekerapan Melakukan Ibadat Solat	49
4.6	Kemudahan Siaran/Bahan Hiburan di Rumah	49
4.7	Jumlah Pendedahan kepada Media Massa di Kalangan Pelajar	50
4.8	Minat Pelajar Terhadap Kandungan Bahan dalam Media Massa	52
4.9	Pegangan Nilai Akhlak Pelajar dan Pengaruh Media Massa	53
4.10	Persepsi Terhadap Pendidikan Islam dan Pengaruh Media Massa	56
4.11	Perbezaan Min Jumlah Pendedahan kepada Media Massa, Pegangan Nilai Akhlak, dan Persepsi Pelajar Terhadap	58

Pengajaran Pendidikan Islam Berdasarkan Jantina

4.12	Perbezaan Min Jumlah Pendedahan kepada Media Massa, Pegangan Nilai Akhlak, dan Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Pendidikan Islam Berdasarkan Aliran Akademik	59
4.13	Perbezaan Min Jumlah Pendedahan kepada Media Massa, Pegangan Nilai Akhlak, dan Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Pendidikan Islam Berdasarkan Langganan ASTRO	59
4.14	Perbezaan Min Jumlah Pendedahan kepada Media Massa, Pegangan Nilai Akhlak, dan Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Pendidikan Islam Berdasarkan Kemudahan Internet di Rumah	60
4.15	Perbezaan Min Jumlah Pendedahan kepada Media Massa, Pegangan Nilai Akhlak, dan Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Pendidikan Islam Berdasarkan Kemudahan VCD di Rumah	61
4.16	Perbezaan Min Jumlah Pendedahan kepada Media Massa, Pegangan Nilai Akhlak, dan Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Pendidikan Islam Berdasarkan Tahap Pembacaan Al-Quran	61
4.17	Perbezaan Min Jumlah Pendedahan kepada Media Massa, Pegangan Nilai Akhlak, dan Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Pendidikan Islam Berdasarkan Kekekapan Menunaikan Solat Lima Waktu	62
4.18	Perbezaan Min Tempoh Pendedahan kepada Media Massa, Pegangan Nilai Akhlak, dan Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Pendidikan Islam Berdasarkan Pencapaian Pendidikan Islam Penilaian Menengah Rendah	63
4.19	Perbezaan Min Tempoh Pendedahan kepada Media Massa, Pegangan Nilai Akhlak, dan Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Pendidikan Islam Berdasarkan Kekekapan Solat Berjamaah	64
4.20	Hubungan Antara Pembolehubah-Pembolehubah	65

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Secara umumnya, masyarakat telah mengetahui sepintas lalu tentang gejala sosial atau masalah-masalah keruntuhan akhlak yang sedang wujud dalam umat Islam di negara ini. Walaupun gejala sosial ini wujud juga di kalangan masyarakat bukan Islam, tetapi apa yang lebih menonjol ialah permasalahan di kalangan umat Islam. Permasalahan ini tidak boleh dikesampingkan begitu sahaja dan perlu dihadapi serta ditangani oleh masyarakat Islam dengan penuh hikmah dan bijaksana. Isu-isu seperti kumpulan *Black Metal*, seks bebas, pengedaran dan penjualan video lucah adalah antara gejala sosial yang sedang berlaku di kalangan generasi muda. Hampir setiap hari kita juga dilaporkan oleh media massa dengan permasalahan sosial yang kini dianggap `biasa' berlaku seperti rogol, lari rumah, seks bebas, sumbang mahram, dadah, ponteng, dera dan kes pukul. Isu gejala sosial telah mendapat perhatian dan reaksi dari pelbagai pihak khususnya pihak kerajaan, parti-parti politik, NGO dan juga badan-badan sukerela. Bagi membanteras gejala sosial di kalangan masyarakat, kerajaan Malaysia dalam Belanjawan 2001 telah pun memperuntukkan RM94 juta untuk program-program yang dirancang kepada masyarakat.

Umumnya, gejala sosial boleh dihuraikan sebagai satu keadaan atau cara hidup yang berlaku di dalam sesuatu masyarakat yang mana ianya bertentangan atau berlawanan dengan ciri-ciri atau nilai budaya dan juga nilai-nilai keagamaan sesebuah masyarakat. Permasalahan ini wujud apabila suasana yang tidak bermoral dan berakhlak ini wujud dalam pelbagai aspek kehidupan dan lapisan masyarakat bermula dari

hubungan dan pergaulan dalam keluarga, masyarakat hinggalah kepada aspek kepercayaan dan pegangan hidup. Gejala sosial ini tidak terbatas kepada satu golongan atau satu lapisan masyarakat sahaja, tetapi ianya berlaku di semua peringkat, sama ada yang muda, tua, kaya, miskin, berpendidikan tinggi, tiada pendidikan, berpendidikan agama, kurang pendidikan agama, rakyat, pemerintah, ketua dan pekerja. Aktiviti-aktiviti gejala sosial yang dilakukan oleh mereka ini bertentangan dengan perintah Allah s.w.t dan Rasullullah s.a.w serta nilai-nilai ketimuran.

Gejala sosial yang berlaku di kalangan umat Islam pada masa kini tidak hanya tertumpu kepada remaja sahaja sebagaimana yang sering ditanggapi, malah ianya turut melibat jumlah yang besar di kalangan orang dewasa. Antara contoh gejala sosial yang sering berlaku di negara kita ialah:

- a) Remaja - ponteng sekolah, melawan guru, membuli pelajar, gangsterisme, penyalahgunaan dadah, pil dan ubat khayal, VCD lucuh, seks bebas (bohsia, bohjan, homoseksual, hetroseksual dan lesbian), budaya lepak, vadalisme, rogol, mencabul kehormatan, lari dari rumah, sumbang mahram, merokok, minum arak, mencuri, berkhalwat, bersekedudukan, mengunjungi kelab malam, disko dan karaoke, budaya muzik liar serta pergaulan bebas.
- b) Dewasa - mendera anak dan isteri, penyalahgunaan dadah, berjudi, minum arak, seks bebas, sumbang mahram, mencabul kehormatan, rogol, mencuri, menipu, pukul, buang bayi, melacur, berkhalwat, mengunjungi kelab malam, disko dan karaoke, menyimpan perempuan atau lelaki simpanan, pergaulan bebas, bersekedudukan dan rasuah.

Apabila membincangkan masalah gejala sosial di kalangan generasi muda, kajian-kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa gejala-gejala sosial dan keruntuhan akhlak yang berlaku dalam masyarakat mempunyai kaitan yang signifikan dengan kandungan negatif yang terdapat dalam media massa, khususnya televisyen dan juga majalah-majalah hiburan. Maka, penyelidikan ini akan mengkaji pengaruh media massa terhadap

keberkesanan pendidikan akhlak di sekolah dan tumpuan diberikan kepada pendidikan akhlak di kalangan pelajar Islam di kawasan luar bandar.

1.2 PERNYATAAN MASALAH


Kewujudan bahan-bahan negatif dari dalam atau luar negara menerusi majalah, surat khabar, radio, dan rancangan-ancangan hiburan dalam bentuk filem, CD, VCD dan TV serta internet telah menimbulkan masalah yang begitu serius kepada perkembangan remaja masa kini. Keadaan ini menjadi lebih runcing akibat kesibukan keluarga yang menyebabkan mereka tidak dapat memberikan tumpuan kepada pendidikan anak-anak dan membiarkan anak-anak mereka secara bebas menonton rancangan-ancangan hiburan tersebut menerusi TV, CD, dan VCD serta melayari laman-laman web tanpa pemantauan, bimbingan dan kawalan. Lebih dahsyat lagi, ada ibu bapa yang menonton filem lucu bersama anak-anak mereka (Berita Harian, The Star 20/8/2001). Walaupun wujud Lembaga Penapisan Filem yang dipertanggungjawabkan menapis dan menyaring rancangan-ancangan tersebut, masih terdapat filem-filem yang ditayangkan di saluran TV (termasuk saluran-saluran Astro) yang mengandungi unsur-unsur ganas, seks dan lucu. Ini ditambah dengan faktor semulajadi perkembangan diri, khususnya di kalangan remaja yang turut mempengaruhi berlakunya gejala sosial.

Menurut ahli psikologi, zaman remaja adalah satu tempoh yang sangat kritikal dalam perkembangan diri kerana zaman ini dikenali sebagai zaman yang penuh dengan cabaran dan tekanan atau *storming period*. Pada zaman ini, mereka sering mahu mencuba dan kadang kala perlakuan mereka mencetuskan konflik sosial dan anti sosial. Oleh itu, pakar psikologi berpendapat golongan remaja seharusnya diberi sepenuhnya kebebasan dalam mendalami dan mencari pengalaman hidup agar ianya bersesuaian dengan perkembangan diri mereka (Eggen & Kauchak 1997, Woolfork 1998).

Televisyen kini merupakan alat siaran yang penting dalam masyarakat dan hampir ke semua rumah mempunyai kemudahan ini. Terdapat beberapa saluran utama di negara

ini, iaitu TV1, TV2, TV3, NTV7, TV8 dan juga saluran-saluran satelit Astro. Kajian dalam tahun 1998 (Ab. Halim Tamuri 2000) menunjukkan bahawa kebanyakan siaran di dalam saluran utama adalah berbentuk hiburan. Jadual 1 di bawah ini menunjukkan pembahagian tersebut :

JADUAL 1: Peratusan Program Televisyen di Saluran-Saluran Utama



Peruntukan masa dalam seminggu dalam program-program televisyen tersebut ialah 16,975 minit untuk rancangan-ancangan jenis hiburan, 8795 minit untuk maklumat, dan 3,815 minit untuk sukan. Hanya 2,025 minit sahaja diperuntukkan untuk program keagamaan walau pun pada minggu tersebut ada sambutan Maulidur Rasul. Selain dari itu, hampir keseluruhan saluran radio di Malaysia adalah berbentuk hiburan yang menyiarkan hiburan *heavy metal*, *rap*, *blues*, *pop* dan *rock*. Ini ditambah pula dengan wujudnya pelbagai majalah dan akhbar hiburan yang menyiarkan pelbagai gambar yang bertentangan dengan nilai-nilai agama dan budaya ketimuran. Hasil dari perkembangan dan kemajuan teknologi dan kemudahan asas yang sempurna, kesan dan pengaruh media massa bukan sahaja dirasai oleh remaja di kawasan bandar, malah ianya turut melibatkan golongan remaja di kawasan luar bandar.

Pengaruh media massa adalah amat besar ke atas generasi muda, khususnya golongan pelajar dan remaja. Dalam *tasawwur Islam*, zaman remaja adalah satu masa yang sangat penting kerana pada waktu tersebut mereka telah mula ditaklifkan dengan hukum-hukum Islam. Mereka tidak boleh disamakan dengan gaya hidup remaja barat. Justeru, para remaja Islam perlu disosialisasikan dengan nilai-nilai ketimuran dan juga akhlak Islam. Mereka perlu diberikan pengetahuan dan juga maklumat yang sesuai dengan prinsip-prinsip dasar hukum Islam melalui media massa bagi memastikan mereka mempunyai perkembangan emosi, rohani dan intelektual yang mantap yang boleh membezakan perlakuan yang halal atau haram.

Di peringkat menengah, pelajar-pelajar telah diberikan pendedahan tentang akhlak melalui pengejaran dan pembelajaran Pendidikan Islam KBSM. Namun begitu, pengaruh persekitaran juga memberikan kesan yang signifikan kepada keberkesanan pendidikan akhlak yang telah diberikan di sekolah. Persoalannya, sejauh manakah kandungan media massa yang ada telah memberi impak kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam, khususnya pendidikan akhlak, yang telah diberikan kepada para pelajar di sekolah menengah?

1.3 TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji kesan pendidikan akhlak di kalangan pelajar-pelajar luar bandar. Fokus akan diberikan kepada pengaruh media massa terhadap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam di sekolah menengah. Secara khususnya, objektif-objektif kajian ini adalah untuk:

1. mengenal pasti tahap pendedahan media massa di kalangan pelajar Islam.
2. mengenal pasti jenis kandungan yang terdapat dalam media massa yang diminati oleh pelajar yang terlibat.
3. mengenal pasti tahap pegangan nilai-nilai akhlak di kalangan pelajar.
4. mengkaji persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di peringkat sekolah menengah.

5. mengenal pasti perbezaan yang wujud dalam aspek jumlah pendedahan kepada media massa, pegangan nilai akhlak, dan persepsi pelajar terhadap pengajaran Pendidikan Islam berdasarkan jantina, aliran akademik, langganan ASTRO, kemudahan VD dan VCD di rumah, kemudahan internet, tahap pembacaan al-Quran, kekerapan menunaikan solat lima waktu, pencapaian Pendidikan Islam Peperiksaan Menengah Rendah (PMR), dan kekerapan solat berjamaah di kalangan pelajar yang terlibat.
6. mengenal pasti pembolehubah yang mempunyai hubungan dengan tahap pendedahan kepada media massa, pegangan nilai akhlak, dan persepsi pelajar terhadap pengajaran Pendidikan Islam.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk mencari jawapan kepada beberapa persoalan kajian yang berikut:

1. Sejauh manakah tahap pendedahan media massa di kalangan pelajar Islam?
2. Apakah jenis kandungan yang terdapat dalam media massa yang diminati oleh pelajar yang terlibat?
3. Di manakah tahap pegangan nilai-nilai akhlak di kalangan pelajar?
4. Apakah persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam di sekolah menengah?
5. Adakah wujud perbezaan dalam aspek jumlah pendedahan kepada media massa, pegangan nilai akhlak, dan persepsi pelajar terhadap pengajaran Pendidikan Islam berdasarkan jantina, aliran akademik, langganan ASTRO, kemudahan VD dan VCD di rumah, kemudahan internet, tahap pembacaan al-Quran, kekerapan menunaikan solat lima waktu, pencapaian Pendidikan Islam PMR, dan kekerapan solat berjamaah di kalangan pelajar yang terlibat?

6. Apakah pemboleh ubah yang mempunyai hubungan dengan tahap pendedahan kepada media massa, pegangan nilai akhlak, dan persepsi pelajar terhadap pengajaran Pendidikan Islam?

1.5 HIPOTESIS KAJIAN

Dalam kajian ini, terdapat beberapa hipotesis nul yang telah dibina, iaitu:

- 1.5.1 Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min tempoh terdedah kepada media massa berdasarkan jantina.
- 1.5.2 Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min pegangan nilai akhlak berdasarkan jantina.
- 1.5.3 Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min persepsi pelajar terhadap pengajaran Pendidikan Islam berdasarkan jantina.
- 1.5.4 Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min tempoh terdedah kepada media massa berdasarkan aliran akademik.
- 1.5.5 Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min pegangan nilai akhlak berdasarkan aliran akademik.
- 1.5.6 Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min persepsi pelajar terhadap pengajaran Pendidikan Islam berdasarkan aliran akademik.
- 1.5.7 Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min tempoh terdedah kepada media berdasarkan langganan ASTRO.
- 1.5.8 Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min pegangan nilai akhlak berdasarkan langganan ASTRO.
- 1.5.9 Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min persepsi pelajar terhadap pengajaran Pendidikan Islam berdasarkan langganan ASTRO.
- 1.5.10 Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min tempoh terdedah kepada media berdasarkan kemudahan internet di rumah.
- 1.5.11 Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min pegangan nilai akhlak berdasarkan kemudahan internet di rumah.

- 1.5.12 Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min persepsi pelajar terhadap pengajaran Pendidikan Islam berdasarkan kemudahan internet di rumah.
- 1.5.13 Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min tempoh terdedah kepada media berdasarkan kemudahan VCD di rumah.
- 1.5.14 Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min pegangan nilai akhlak berdasarkan kemudahan VCD di rumah.
- 1.5.15 Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min persepsi pelajar terhadap pengajaran Pendidikan Islam berdasarkan kemudahan VCD di rumah.
- 1.5.16 Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min tempoh terdedah kepada media massa berdasarkan tahap pembacaan al-Quran.
- 1.5.17 Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min pegangan nilai akhlak berdasarkan tahap pembacaan al-Quran.
- 1.5.18 Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min persepsi pelajar terhadap pengajaran Pendidikan Islam berdasarkan tahap pembacaan al-Quran.
- 1.5.19 Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min tempoh terdedah kepada media massa berdasarkan kekerapan menunaikan solat lima waktu.
- 1.5.20 Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min pegangan nilai akhlak berdasarkan kekerapan menunaikan solat lima waktu.
- 1.5.21 Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min persepsi pelajar terhadap pengajaran Pendidikan Islam berdasarkan kekerapan menunaikan solat lima waktu.
- 1.5.22 Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min tempoh terdedah kepada media berdasarkan pencapaian Pendidikan Islam dalam Penilaian Menengah Rendah.
- 1.5.23 Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min pegangan nilai akhlak berdasarkan pencapaian Pendidikan Islam dalam Penilaian Menengah Rendah.
- 1.5.24 Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min persepsi pelajar terhadap pengajaran pendidikan Islam berdasarkan pencapaian Pendidikan Islam dalam Penilaian Menengah Rendah.

- 1.5.25 Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min tempoh terdedah kepada media massa berdasarkan kekerapan solat berjamaah.
- 1.5.26 Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min pegangan nilai akhlak berdasarkan kekerapan solat berjamaah.
- 1.5.27 Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min persepsi pelajar terhadap pengajaran Pendidikan Islam berdasarkan kekerapan solat berjamaah.
- 1.5.28 Ho: Tidak terhadap hubungan yang signifikan antara minat terhadap bahan-bahan hiburan dengan pegangan nilai akhlak.
- 1.5.29 Ho: Tidak terhadap hubungan yang signifikan antara minat terhadap media massa berunsur sukan dengan pegangan nilai akhlak.
- 1.5.30 Ho: Tidak terhadap hubungan yang signifikan antara minat terhadap media massa berunsur *humor* dengan pegangan nilai akhlak.
- 1.5.31 Ho: Tidak terhadap hubungan yang signifikan antara minat terhadap media massa berunsur seram dengan pegangan nilai akhlak.
- 1.5.32 Ho: Tidak terhadap hubungan yang signifikan antara minat terhadap media massa berunsur agama dengan pegangan nilai akhlak.
- 1.5.33 Ho: Tidak terhadap hubungan yang signifikan antara minat terhadap media massa berunsur pengetahuan am dengan pegangan nilai akhlak.
- 1.5.34 Ho: Tidak terhadap hubungan yang signifikan antara minat terhadap media massa berunsur lucu dengan pegangan nilai akhlak.
- 1.5.35 Ho: Tidak terhadap hubungan yang signifikan antara Minat terhadap media massa berunsur pendidikan dengan pegangan nilai akhlak.
- 1.5.36 Ho: Tidak terhadap hubungan yang signifikan antara minat terhadap media massa berunsur hiburan dengan pengajaran Pendidikan Islam.
- 1.5.37 Ho: Tidak terhadap hubungan yang signifikan antara minat terhadap media massa berunsur sukan dengan pengajaran Pendidikan Islam.
- 1.5.38 Ho: Tidak terhadap hubungan yang signifikan antara minat terhadap media massa berunsur humor dengan pengajaran Pendidikan Islam.
- 1.5.39 Ho: Tidak terhadap hubungan yang signifikan antara minat terhadap media massa berunsur seram dengan pengajaran Pendidikan Islam.

- 1.5.40 Ho: Tidak terhadap hubungan yang signifikan antara minat terhadap media massa berunsur agama dengan pengajaran Pendidikan Islam.
- 1.5.41 Ho: Tidak terhadap hubungan yang signifikan antara minat terhadap media massa berunsur pengetahuan am dengan pengajaran Pendidikan Islam.
- 1.5.42 Ho: Tidak terhadap hubungan yang signifikan antara minat terhadap media massa berunsur lucu dengan pengajaran Pendidikan Islam.
- 1.5.43 Ho: Tidak terhadap hubungan yang signifikan antara minat terhadap media massa berunsur pendidikan dengan pengajaran Pendidikan Islam.
- 1.5.44 Ho: Tidak terhadap hubungan yang signifikan antara jumlah terdedah dengan media massa dengan pegangan nilai akhlak.
- 1.5.45 Ho: Tidak terhadap hubungan yang signifikan antara jumlah terdedah dengan media massa dengan persepsi terhadap pengajaran Pendidikan Islam.
- 1.5.46 Ho: Tidak terhadap hubungan yang signifikan antara pegangan nilai akhlak dan persepsi terhadap pengajaran Pendidikan Islam.

1.6 BATASAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa batasan. Antaranya ialah:

- i) Kajian ini dijalankan di beberapa buah sekolah menengah luar bandar di daerah Sabak Bernam, Selangor yang dipilih secara rawak. Justeru, dapatan yang diperolehi dari kajian ini hanya boleh digeneralisasikan kepada daerah Sabak Bernam sahaja, bukannya boleh dibuat generalisasi sebagai mewakili seluruh negeri Selangor atau pun tempat-tempat lain, yang mungkin tidak mempunyai kriteria latar belakang yang sama.
- ii) Kajian ini memberi tumpuan kepada Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia sahaja. Ianya tidak melibatkan sekolah rendah, sekolah-sekolah swasta dan sekolah menengah agama.

- iii) Kajian ini hanya melibatkan pelajar-pelajar Tingkatan 4 dan guru-guru pendidikan Islam dari sekolah-sekolah yang terpilih.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini berfokus kepada media massa dan pengaruhnya kepada pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah. Tumpuan kajian ini diberikan kepada aspek pendidikan akhlak di kalangan pelajar Islam di luar bandar. Adalah diharapkan kajian ini akan memberi sumbangan yang positif kepada beberapa pihak, antaranya:

- a) Kementerian Pelajaran Malaysia

Dapatan kajian yang diperolehi boleh dijadikan panduan atau asas kepada Jabatan Pelajaran Negeri Selangor, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral dan Kementerian Pelajaran Malaysia untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam, khususnya dalam pendidikan akhlak. Berdasarkan cadangan-cadangan yang dikemukakan, pihak yang berkuasa juga boleh memperbaiki kelemahan-kelemahan yang dapat dikesan serta boleh memantapkan lagi kelebihan dan kekuatan yang telah wujud. Adalah diharapkan juga, dapatan-dapatan kajian ini dapat dijadikan asas kepada penyelidikan-penyelidikan lain tentang media dan pengaruhnya kepada generasi muda Islam di negara kita pada masa-masa akan datang. Selain itu, aspek-aspek lain yang penting seperti akidah, kefahaman Islam, pelaksanaan tanggungjawab, amalan-amalan harian, dan ibadah perlu dikaji dengan lebih mendalam.

- b) Agensi-agensi Kerajaan Lain

Dapatan kajian ini juga diharapkan boleh membantu pihak Kementerian Penerangan untuk meningkatkan kualiti dan mutu rancangan yang disiarkan agar ianya bersesuaian dengan amalan nilai hidup, kepercayaan beragama dan budaya masyarakat Malaysia. Kementerian ini juga perlu menapis dan memantau isi kandungan yang dimuatkan di

dalam media massa. Selain itu, pihak Kementerian Dalam Negeri juga boleh menggunakan hasil kajian ini untuk memantau dan meneliti permit majalah-majalah yang diterbitkan dan diedarkan di negara ini. Jabatan-jabatan Agama Islam negeri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia juga boleh merangka dan menyediakan pelbagai program dan rancangan yang khusus, untuk dimuatkan ke dalam media massa seperti televisyen, radio dan majalah agar dapat menarik minat generasi pelajar menghayati nilai-nilai akhlak Islam. Program yang berasaskan Islam boleh dirangka dan dilaksanakan sebagai alternatif kepada program dan rancangan yang dibawa dari luar.

c) Guru-guru

Guru-guru, khususnya guru-guru Pendidikan Islam juga boleh menggunakan dapatan-dapatan ini untuk meningkatkan kualiti pengajaran mereka kerana isu-isu keruntuhan akhlak di kalangan generasi muda dan pelajar mempunyai kaitan secara langsung dengan pengaruh media massa. Mereka akan lebih memahami situasi pelajar-pelajar dan masalah-masalah serta kaitannya dengan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah.

d) Ibu bapa

Kajian ini boleh dijadikan maklumat tambahan kepada pihak berkuasa untuk memberi penerangan kepada ibu bapa di kawasan luar bandar tentang pengaruh media massa kepada perkembangan anak-anak mereka, khususnya dalam aspek pendidikan akhlak. Ini membolehkan ibu bapa di rumah memantau, membimbing dan memilih program atau jenis kandungan media massa yang sesuai untuk anak-anak mereka.

1.8 DEFINISI OPERASI

1.8.1 Pendidikan Islam

Secara umumnya, Pendidikan Islam adalah satu sistem pendidikan yang mengandungi proses menyeluruh bertujuan melahirkan khalifatullah yang mempunyai perkembangan yang seimbang. Keseimbangan pembangunan manusia ini perlu berasaskan kepada aspek kerohanian agar manusia yang dididik tersebut patuh dan taat kepada hukum-hukum yang telah disyariatkan Allah. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Ashraf (1994):

“Education is therefore defined as the process through which balanced growth of the total personality of human being is achieved. According to Islam the end to be aimed at is the attainment of the status of a true representative of God on the earth (Khalifatullah).”

Namun untuk tujuan kajian ini, penyelidik hanya menumpukan kepada pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam KBSM sebagai satu subjek di peringkat sekolah menengah. Pendidikan Islam KBSM di Malaysia merupakan salah satu mata pelajaran teras. Sukatan pelajaran Pendidikan Islam KBSM mula diperkenalkan pada tahun 1987, yang mana para pelajar Tingkatan I, II dan III di Sekolah Menengah Kebangsaan telah didedahkan dengan pendidikan akhlak Islam melalui Bahagian Sifat-sifat dan Cara Hidup Islam dan disambung semasa Tingkatan IV dan V. Mulai tahun 2003, pelajar-pelajar Tingkatan I dan Tingkatan 4 telah menggunakan satu sukatan baru Pendidikan Islam yang telah disemak semula. Bagaimanapun, kajian ini hanya menumpukan kepada pengajaran dan pembelajaran subjek Pendidikan Islam KBSM bermula dari Tingkatan 1 sehingga Tingkatan IV sahaja.

1.8.2 Media Massa

Umumnya, media massa boleh dikategorikan kepada dua jenis, iaitu media cetak dan media elektronik yang digunakan untuk menyampaikan dan memindahkan maklumat kepada masyarakat. Televisyen merupakan salah satu agen sosialisasi yang paling berkesan di

kalangan kanak-kanak dan remaja. Kewujudan CD, VCD, DVD, permainan video dan perkembangan yang pesat dalam teknologi telah meningkatkan dan meluaskan peranan televisyen dalam masyarakat. Dalam era globalisasi, penggunaan komputer dan internet dalam kehidupan seharian telah memluaskan lagi peranan dan pengaruh media elektronik dalam masyarakat.

Selain itu, fungsi radio sebagai alat penyampai maklumat dan hiburan juga semakin meningkat di Malaysia kerana terdapat puluhan saluran radio yang menawarkan pelbagai pilihan kepada pendengar. Media cetak seperti majalah dan surat khabar juga memberi kesan yang besar kepada masyarakat. Pada masa ini terdapat pelbagai bentuk majalah dan akhbar tabloid berbentuk hiburan, pendidikan dan kekeluargaan dari dalam dan luar negara yang membanjiri pasaran media cetak untuk remaja. Kajian ini memberikan tumpuan kepada kedua-dua bentuk media tersebut, iaitu media cetak dan elektronik di mana fokus diberikan kepada kandungan-kandungan yang terdapat media yang sering dihubungkan dengan masalah-masalah yang wujud di kalangan remaja Islam di Malaysia serta kesannya kepada pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah.

1.8.3 Akhlak

Dari sudut bahasa, akhlak adalah kata jamak dari perkataan *khuluq* dan ianya sering kali dikaitkan dengan moral manusia atau etika. Dari sudut istilah pula, akhlak ialah satu kedudukan dalaman yang mana ianya akan mewujudkan atau melahirkan tindakan dengan tidak teragak-agak atau berfikir panjang (Miskawayh, 1966). Akhlak baik yang ada pada seseorang akan menghasilkan tindakan yang baik dan begitulah juga sebaliknya. Bagi tujuan kajian ini, nilai-nilai akhlak merujuk kepada beberapa elemen yang berkaitan dengan pegangan nilai akhlak di kalangan pelajar Islam yang meliputi enam aspek utama, iaitu nilai kehidupan, nilai berkaitan sekolah, nilai asas Islam, nilai sosial, nilai keluarga dan nilai berkaitan seks.

1.9 PENUTUP

Secara umumnya, bab ini telah membincangkan beberapa aspek utama yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan seperti objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, batasan kajian dan definisi istilah yang digunakan dalam kajian ini.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan memberi tumpuan kepada perbincangan yang berkaitan dengan media masaa dan perkembangan akhlak pelajar. Perbincangan dalam bab ini difokuskan kepada dua tajuk utama, iaitu pendidikan akhlak dari perspektif Islam dan pendidikan akhlak dalam sistem persekolahan di Malaysia. Beberapa tajuk kecil, khususnya yang berkaitan dengan media dan pendidikan akhlak di kalangan pelajar juga disediakan untuk menunjukkan perkaitannya dengan tajuk kajian.

2.2 PENDIDIKAN AKHLAK DARI PERSPEKTIF ISLAM

Konsep pendidikan secara umumnya telah banyak dibincangkan oleh tokoh-tokoh pendidikan kerana ia merupakan aspek yang penting dalam pembangunan insan. Abdul Rauf (1991) telah membahagikan pendidikan kepada dua jenis, iaitu pendidikan formal dan pendidikan non formal. Menurut beliau, pendidikan non formal dihuraikan sebagai satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dilalui oleh seseorang individu, khususnya remaja agar ia dapat mematuhi bentuk kelakuan yang tertentu, manakala pendidikan formal pula ialah proses pemindahan maklumat yang dilakukan oleh seorang pendidik

yang profesional kepada pelajar. Pendidikan secara umumnya adalah satu proses yang menyeluruh yang boleh dilaksanakan secara formal atau tidak formal. Khursid Ahmad (1967: 4) telah menghuraikan konsep pendidikan yang lebih luas lagi di mana beliau menghuraikan pendidikan sebagai satu proses yang berterusan seperti berikut:

Education is a continuous process through which moral, mental and physical training is provided to younger generations, who also acquire their ideals and culture through it.

Schofield (1972) telah mendefinisikan konsep *education* dari prespektif falsafah pendidikan yang diuraikan sebagai satu proses yang mempunyai tiga unsur yang utama, iaitu isi kandungan, sistem nilai dan kaedah. Ketiga-tiga unsur itu akan dipindahkan kepada pelajar melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang akhirnya membolehkan pelajar itu memahami apa yang dipelajarinya.

Syed Ali Ashraf (1994) telah mengemukakan satu konsep pendidikan yang diasaskan kepada perspektif Islam yang menekankan kepada akidah dan fungsi manusia sebagai khalifatullah. Beliau telah membincangkan secara mendalam tentang konsep pendidikan yang berasaskan kepada ajaran Islam yang syumul berdasarkan wahyu dari Allah swt, dan Sunnah Rasulullah saw. Beliau telah mengkritik sistem pendidikan barat yang bersifat liberal yang telah memisahkan aspek ketuhanan dari kehidupan seharian, berpunca dari falsafah sekularisme yang mereka anuti. Pendidikan dalam tasawwur Islam diasaskan kepada konsep tawhid yang menjadi teras kehidupan setiap orang Islam, yang tidak memisahkan antara agama dan kehidupan seharian. Justeru ia dapat memandu manusia melaksanakan tugasnya sebagai *khalifatullah*. Sehubungan dengan itu, (Syed Ali Ashraf 1994:4) telah menghuraikan pendidikan seperti berikut:

Education is therefore defined as the process through which balanced growth of the total personality of human being is achieved. According to Islam, the end to be aimed at is the attainment of the status of a true representative of God on the earth (Khalifatullah).

Pada pandangan beliau, sistem pendidikan Islam perlu dibina untuk melahirkan bukan hanya manusia atau warga negara biasa tetapi adalah *al-Insan al-Kamil* (Syed Ali Ashraf 1988). Sehubungan dengan itu, beliau telah mengemukakan satu gagasan

pendidikan yang berasaskan akidah (*faith based education system*). Syed Ali Ashraf (1988) telah menegaskan bahawa matlamat utama pendidikan dalam Islam bukan sahaja untuk mendidik seseorang individu sebagai warga negara yang baik, tetapi yang lebih penting ialah manusia yang baik. Idea beliau selaras dengan pandangan yang dikemukakan oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1979:32):

We maintain that it is more fundamental to produce a good man than to produce a good citizen, for a good man will no doubt be a good citizen, but the good citizen will not necessarily also be a good man.

Halstead (1995) juga telah membincangkan konsep pendidikan Islam di mana beliau telah merumuskan matlamat utama pendidikan Islam seperti berikut:

- i. Membangunkan dan mendidik kanak-kanak dengan didikan yang positif untuk menjadi insan yang baik dan sempurna.
- ii. Menggalak dan membangunkan individu dengan nilai sosial, tanggungjawab dan kesedaran berasaskan syariah.
- iii. Memindahkan ilmu berasaskan wahyu dan pemikiran manusia semata-mata kerana Allah.

Perbincangan tentang konsep pendidikan di atas menunjukkan bahawa pendidikan dalam Islam bertujuan melahirkan hamba Allah yang mempunyai perkembangan diri yang seimbang dalam kehidupan mereka, merangkumi aspek jasmani, emosi, intelek dan rohani, dan dengan itu mereka dapat berfungsi sebagai khalifatullah untuk memakmurkan alam dan penghuninya. Keseimbangan pembangunan manusia ini perlu berasaskan kepada aspek kerohanian agar manusia yang dididik tersebut bertakwa, patuh dan taat kepada hukum-hukum yang telah disyariatkan oleh Allah swt. Dengan itu, adalah amat tepat apabila Rosnani (1996) sependapat dengan Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1979) bahawa pendidikan adalah sebagai proses *ta'adib* yang dihubungkan dengan istilah *adab*. Selain itu, asas pemikiran pendidikan Islam adalah berlandaskan kepada paradigma tauhid yang mengesakan Allah swt. dan perlu dijadikan agenda utama sistem pelaksanaan pendidikan di Malaysia, khususnya di kalangan masyarakat Islam. Setiap pendidik, ibu bapa, masyarakat dan pihak berkuasa seharusnya memberikan tumpuan yang seimbang dalam memberikan pendidikan kepada generasi muda kerana pendidikan

dalam Islam merupakan proses yang menyeluruh ke arah pembentukan manusia yang berakhlak.

Dalam sistem persekolahan di Malaysia, Pendidikan Islam merupakan satu subjek teras di peringkat rendah dan menengah, bermula dari Darjah 1 sehingga Tingkatan 5 yang wajib dipelajari oleh pelajar-pelajar Islam. Isi kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam ini meliputi aspek-aspek pengajian Islam yang terdiri bahagian Tilawah al-Qur'an dan `Ulum Syariah. Terdapat juga tiga mata pelajaran elektif pendidikan Islam yang ditawarkan di peringkat sekolah menengah tinggi, iaitu Pendidikan al-Qur'an dan al-Sunnah, Pendidikan Syariah Islamiah dan Tasawwur Islam. Dapatlah difahami bahawa Pendidikan Islam di Malaysia masih berfokus kepada Pengajian Islam dan dikategorikan sebagai salah satu subjek teras dalam KBSR dan KBSM sahaja, sama tarafnya dengan beberapa mata pelajaran teras yang lain seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sejarah. Manakala di peringkat sekolah menengah atas dan pendidikan tinggi seperti tingkatan enam, matrikulasi, kolej dan juga di kebanyakan universiti, tiada mata pelajaran Pendidikan Islam yang wajib diikuti oleh semua pelajar Islam. Konsep Pendidikan Islam yang menyeluruh dan hasrat untuk menjadikan Pendidikan Islam sebagai satu sistem pendidikan sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini masih belum tercapai. Dengan kata lain, Pendidikan Islam masih terpisah dengan lain-lain mata pelajaran dan pengajarannya tidak merentasi sistem pendidikan negara.

2.3 PENDIDIKAN AKHLAK DALAM SISTEM PERSEKOLAHAN

Dalam sistem persekolahan di Malaysia, aspek-aspek yang berkaitan dengan pendidikan akhlak diajar melalui mata pelajaran Agama Islam, iaitu mata pelajaran yang diwajibkan kepada semua murid sekolah yang beragama Islam. Akta Pelajaran 1961, Seksyen 36(1) telah memperuntukkan bahawa pendidikan Agama Islam hendaklah diberikan kepada murid-murid Islam sekiranya terdapat 15 orang atau lebih di sesebuah sekolah. Pendidikan Agama Islam, mengikut Akta tersebut bertujuan mewujudkan masyarakat yang berdisiplin dengan nilai-nilai akhlak yang tinggi. Mata pelajaran ini menanam nilai-

nilai dan sikap hidup yang baik serta membentuk kelakuan bersopan santun dan hormat menghormati antara satu sama lain. Dalam Bab 4 Seksyen 44, Laporan Jawatankuasa Mengkaji Pelajaran Melayu 1951 telah menyatakan bahawa melalui Pelajaran Agama Islam, pembentukan watak yang baik dapat dilaksanakan dengan cara yang bersistematik (Malaysia, 1980).

Akta Pelajaran 1961 juga memperuntukkan bahawa pendidikan agama selain daripada Agama Islam boleh diberikan kepada murid-murid sekiranya pendidikan itu diberikan di luar masa sekolah dan tidak melibatkan wang yang diperuntukkan oleh Parlimen. Oleh itu, di beberapa buah sekolah mubaligh Kristian, murid-murid yang beragama Kristian diajar etika Kristian di luar waktu persekolahan. Bagi murid yang menganut agama lain, tidak ada peruntukan dalam kurikulum sekolah untuk diajar etika agama masing-masing. Ini secara tidak langsung telah mengakibatkan keadaan lompong dan kosong dalam jiwa pelajar-pelajar bukan Islam (Nagesweraray, 1989).

Seterusnya, dalam laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 yang mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran di Malaysia (Malaysia, 1980:72), satu perakuan telah dibuat untuk memantapkan pendidikan akhlak dan nilai dalam sistem persekolahan di Malaysia. Perakuan itu mengatakan bahawa:

Untuk membina sebuah masyarakat yang berdisiplin, bertatasusila dan bersatu padu, adalah diperakukan bahawa semasa murid-murid Islam mengikuti matapelajaran Ugama Islam dan ini termasuklah murid-murid yang lain yang memilih mengikuti matapelajaran Ugama Islam, murid-murid bukan Islam hendaklah diberi pendidikan moral dan etika. Semua murid yang mempelajari matapelajaran moral dan etika ini diwajibkan mengambilnya di dalam peperiksaan. Dalam kedua-dua mata pelajaran ini hendaklah disemaikan perasaan untuk menghormati kebebasan masyarakat yang berbilang ugama menganuti ugama masing-masing (Perakuan 127.1, Laporan Jawatankuasa Kabinet, 1980).

Selain itu, sebelum Pendidikan Moral diperkenalkan sebagai satu mata pelajaran dalam kurikulum sekolah, ajaran tentang aspek-aspek akhlak, moral dan etika juga telah pun diajar secara langsung menerusi mata pelajaran Siviks, yang diwajibkan kepada semua murid, bermula dari Darjah 4 hingga ke Tingkatan 5. Aspek-aspek akhlak, moral dan etika juga telah diajar secara tidak langsung menerusi beberapa mata pelajaran lain

mengikuti budi-bicara dan kebijaksanaan guru yang mengajar. Malah dari Darjah 1 hingga ke Darjah 3, unsur-unsur sivik telah dimasukkan ke dalam mata pelajaran Hal Ehwal Tempatan. Dengan itu, nilai-nilai serta ciri-ciri yang berkaitan dengan akhlak, moral dan etika ditemui secara tidak langsung melalui beberapa mata pelajaran lain seperti Bahasa Melayu, Kesusasteraan, Geografi, Sejarah, dan Ilmu Kesihatan (Malaysia, 1980). Ringkasnya, nilai-nilai yang berkaitan dengan akhlak, moral dan etika, secara tersiratnya telah lama berada dalam kurikulum persekolahan di Malaysia dan ianya mempengaruhi kehidupan murid-murid di sekolah melalui mata-mata pelajaran lain dan upacara-upacara rasmi seperti perhimpunan dan lain-lain lagi (Nagesweraray, 1989).

2.3.1 Konsep Akhlak Dalam Islam

Di dalam *Encyclopaedia of Islam*, istilah akhlak telah didefinisikan sebagai *the traits of man's moral character* (De Vaux 1913) atau *innate disposition or ethics* (Walzer dan Gibb, 1960). Selain itu, istilah akhlak sering kali saling diguna-gantikan dengan istilah etika, sebagaimana yang dinyatakan oleh Siddiqui (1997) bahawa *the comparable word for ethics in Islam is akhlak*. Al-Ghazali di dalam kitab *Ihya' 'Ulum al-Din* juga menyatakan bahawa *khuluq* adalah satu kedudukan dalaman yang teguh dan mantap yang akan membawa atau melahirkan satu tindakan secara mudah dengan tanpa lama berfikir (al-Ghazali, t.t.). Syed Othman Alhabshi (1995: 47-48) pula telah menghuraikan etika seperti berikut:

Ethic is not only the code of human conduct in various aspects of life, but it is also a branch of philosophy that deals with the questions of what is morally right and wrong, and what is morally good and evil. It is a method or academic discipline that is employed to determine what is good and acceptable to society versus what is bad and unacceptable to society.

Ilmu akhlak tidak hanya membicarakan soal-soal kod kehidupan manusia, tetapi ianya juga adalah satu falsafah yang melibatkan persoalan-persoalan tentang baik atau buruknya sesuatu perkara. Dapatlah dirumuskan bahawa akhlak ialah satu set kepercayaan, undang-undang dan sistem yang berkaitan dengan kelakuan atau tindakan manusia yang mana ianya menentukan perkara tersebut sama ada baik atau buruk, dan

betul atau salah dalam konteks ketauhidan manusia kepada Allah (SWT). Rumusan ini menepati konsep akhlak sebagaimana yang dibincangkan oleh Al-Attas (1980) dan Ashraf (1985) yang mengatakan bahawa pembangunan insan yang baik adalah menjadi matlamat yang utama di dalam sistem pendidikan sesebuah negara.

Dari sudut pandangan Islam, pendidikan akhlak adalah amat penting kepada mereka, khususnya di kalangan generasi muda. Oleh itu, setiap Muslim perlu memahami, menghayati dan mengamalkan kesemua prinsip akhlak Islam yang struktur dan rangkanya kekal dan mempunyai asas keagamaan (*religious basis*). Maka al-Qur'an dan Sunnah Nabi Muhammad saw merupakan sumber utama bagi prinsip akhlak dalam Islam. Dengan kata lain, Nabi Muhammad saw telah diakui sebagai contoh yang terbaik diberikan oleh Allah swt. kepada manusia, khususnya tentang akhlaknya sebagaimana dalam dua Firman Allah swt.:

Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang sangat-sangat mulia (al-Qur'an, 68:4).

Demi sesungguhnya adalah bagi kamu pada diri Rasulullah saw. itu contoh ikutan yang baik (al-Qur'an, 33:21).

Dasar dan prinsip akhlak di dalam Islam adalah untuk semua lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa, agama, kekayaan, politik, kuasa dan kewarganegaraan. Islam menegah secara total apa juga bentuk diskriminasi kerana akhlak yang dianjurkan oleh Islam adalah sesuai untuk semua lapisan masyarakat (Haneef 1979). Selain itu, sebagai bukti kesempurnaan akhlaknya, seseorang yang beriman kepada Allah swt. dan Rasul-Nya, khususnya setiap remaja Muslim perlulah mengamalkan ke semua ajaran Islam dan perlu pula menghayatinya serta mengamalkannya secara menyeluruh dalam kehidupan seharian. Remaja yang berakhlak juga mampu membuat pertimbangan yang wajar dalam menghadapi dan menangani permasalahan hidup dalam masyarakat. Keperibadian dan akhlak yang rendah akan menyebabkan mereka mudah terpengaruh dengan budaya dan norma yang negatif, yang wujud dalam persekitarannya.

Dalam penghayatan akhlak, setiap individu, termasuk remaja, perlu mengamalkan secara menyeluruh nilai-nilai akhlak tersebut dalam kehidupan seharian mereka. Penghayatan nilai-nilai akhlak ini dapat dinilai dalam beberapa aspek penting kehidupan seharian mereka. Terdapat sekurang-kurangnya 14 isu utama sosio-psikologi yang dapat dihubungkan dengan amalan seharian diri remaja, iaitu keadaan diri, kerisauan diri, kaunseling, hubungan dengan sekolah, menjalankan tugas, kepercayaan kepada agama, hubungan agama dengan masyarakat, kepercayaan kepada tahyul, melaksanakan tanggungjawab kemasyarakatan, ketuhanan, politik, kesedaran sosial, kesedaran etika, kesedaran seks, penggunaan bahan-bahan, konsep salah benar dan penggunaan masa senggang atau lapang (Francis, 1997). Daripada perspektif Islam, aspek-aspek sosio-psikologi ini juga pada asasnya mempunyai hubungan dengan kefahaman dan pegangan nilai akhlak mereka.

Bagi tujuan kajian ini, berasaskan pengubahsuaian yang dilakukan terhadap kajian yang dijalankan oleh Francis (1997) dan Ab. Halim (2000), penyelidik hanya memberi tumpuan kepada kesan media massa ke atas beberapa nilai akhlak utama yang berhubungan terus dengan aspek sosio-psikologi remaja. Aspek-aspek tersebut adalah seperti berikut:

- a) Pegangan terhadap nilai berkaitan dengan kehidupan seharian.
- b) Pegangan terhadap nilai berkaitan dengan sekolah.
- c) Pegangan terhadap nilai berkaitan dengan kefahaman asas Islam.
- d) Pegangan terhadap nilai berkaitan dengan masalah-masalah sosial.
- e) Pegangan terhadap nilai berkaitan dengan kekeluargaan.
- f) Pegangan terhadap nilai berkaitan dengan seks.

Keenam-enam aspek ini adalah sebahagian daripada perkara-perkara penting yang berkaitan dengan pembangunan diri pelajar dan pegangan nilai akhlak mereka yang melahirkan tindakan dalam kehidupan seharian. Selain itu, kajian ini juga memberi tumpuan kepada persepsi pelajar terhadap kesan media massa ke atas keberkesanan pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah.

2.3.2 Pendidikan Akhlak Di Peringkat Sekolah

Pembentukan akhlak pelajar adalah salah satu elemen yang penting dalam pelaksanaan Pendidikan Islam sebagaimana dalam pernyataan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) iaitu;

Pendidikan Islam adalah suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan dan kesejahteraan abadi di akhirat.

Falsafah Pendidikan Islam ini secara tegas menekankan bahawa matlamat utama yang ingin dicapai adalah untuk mewujudkan insan dan hamba yang mulia yang akan mendapat kesejahteraan di dunia dan akhirat. Ini diperkukuhkan lagi dengan pernyataan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang turut memberi penekanan kepada aspek berakhlak mulia dengan menyatakan bahawa:

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, **berakhlak mulia**, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Maka, dari pernyataan FPI dan FPK di atas, dapat kita fahami bahawa aspek pembangunan sahsiah dan akhlak pelajar merupakan agenda utama yang perlu diberikan perhatian yang serius dalam pelaksanaan sistem pendidikan di Malaysia. Dalam sistem pendidikan formal negara, mata pelajaran Pendidikan Islam adalah subjek teras yang wajib diambil oleh setiap pelajar Islam bermula dari Tahun 1 sehingga mereka menamatkan pengajian di peringkat rendah atau menengah. Mereka akan didedahkan kepada beberapa aspek asas yang penting dalam pengajian Islam termasuklah aspek akhlak. Aspek ini adalah sebahagian dari kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam dan ia tidak dijadikan satu mata pelajaran khusus yang berasingan. Sebagai contoh, pelajar-pelajar di peringkat sekolah rendah dari Tahun 1 hingga Tahun 4 didedahkan dengan pengenalan kepada nilai-nilai akhlak Islam seperti yang tertera dalam Bahagian

Asas Akhlak Islamiyyah dalam subjek Pendidikan Islam (Sila rujuk Lampiran A). Dari aspek akhlak, objektif-objektif utama yang ingin dicapai ialah untuk membolehkan pelajar;

- i) menyedari dan memahami sifat-sifat akhlak yang mulia,
- ii) menyatakan cara-cara bertatertib menurut adab Islam,
- iii) membezakan di antara akhlak yang mulia dengan kelakuan yang buruk, dan
- iv) menghayati dan mengamalkan akhlak Islam.

Di peringkat menengah rendah pula, secara umumnya pelajar-pelajar Tingkatan 1, 2 dan 3 akan didedahkan secara lebih lanjut dengan pengetahuan nilai-nilai akhlak Islam dalam Bahagian Sifat-sifat dan Cara Hidup Islam subjek Pendidikan Islam KBSM. Manakala di peringkat menengah tinggi, pelajar-pelajar Tingkatan 4 dan 5 yang bukan dari aliran agama akan mempelajari nilai-nilai akhlak dalam Bahagian Sifat-Sifat dan Cara Hidup Islam (Sila rujuk Lampiran B). Bagi pelajar-pelajar aliran agama, mereka akan mempelajari nilai-nilai akhlak melalui Bahagian Akhlak dalam subjek Pendidikan al-Qur'an dan al-Sunnah. Umumnya, objektif pengajaran dan pembelajaran Bahagian Sifat-sifat dan Cara Hidup Islam dan Bahagian Akhlak ini adalah untuk membentuk peribadi pelajar yang mulia dan terpuji ke arah tingkah laku muslim mukmin. Maka, pengajaran dan pembelajaran aspek akhlak ini boleh dilihat sebagai satu usaha untuk mendidik dan menerapkan pelajar-pelajar Islam dengan pengetahuan dan nilai-nilai akhlak Islam.

Dalam semakan sukatan mata pelajaran Pendidikan Islam KBSR dan KBSM yang mula dilaksanakan pada tahun 2003 ia tidak menunjukkan banyak perubahan yang dibuat dalam pelaksanaannya dan aspek akhlak masih dijadikan sebahagian dari Bahagian `Ulum Syariah (Sila rujuk Lampiran C). Objektif yang ingin dicapai secara umumnya tidak berbeza dan masih lagi berasaskan kepada falsafah yang sama, iaitu bagi melahirkan individu Muslim yang berakhlak mulia dan bertakwa kepada Allah swt.

Pengajaran akhlak di sekolah telah diperkukuhkan dengan pendidikan Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) yang dinilai dengan menggunakan pendekatan *school based*

assessment semasa pelajar berada di akhir Tahun 6, Tingkatan 3 atau Tingkatan 5 (Sila rujuk Lampiran D). Antara fokus utama dalam PAFA ialah pengajaran dan penilaian akhlak kepada guru, rakan-rakan dan ibu bapa. Malah, terdapat juga program-program tambahan seperti ceramah agama, bengkel-bengkel, kelas-kelas tambahan agama, kelas-kelas pengajian al-Qur'an dan perbincangan yang dirancang oleh pihak sekolah kepada pelajar sebagai aktiviti-aktiviti sokongan kepada mereka. Malah, setiap sekolah menengah juga mempunyai kemudahan surau sekolah yang boleh digunakan oleh pelajar dan guru untuk sebarang aktiviti Pendidikan Islam.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa pelajar-pelajar Islam telah didedahkan dengan pendidikan akhlak secara formal pada setiap tahap pendidikan formal bermula dari Darjah 1 sehinggalah ke Tingkatan 5. Bidang pendidikan akhlak yang diberikan merangkumi pelbagai aspek nilai akhlak Islam yang bersesuaian dengan tahap mereka sebagai pelajar dan remaja. Pada dasarnya, objektif dan matlamat yang ingin dicapai dalam pelaksanaan pendidikan Islam, khususnya pendidikan akhlak, adalah berdasarkan kepada Falsafah Pendidikan Islam dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Adalah diharapkan pendidikan akhlak tersebut dapat memantapkan pendidikan yang diterima oleh pelajar melalui pendidikan non formal dan juga informal yang dilalui oleh pelajar di luar sistem pendidikan negara.

2.3.3 Media Massa dan Akhlak Pelajar

Perbincangan yang seterusnya adalah berkaitan dengan peranan media massa dalam mempengaruhi akhlak pelajar Islam, khususnya terhadap penghayatan dan amalan akhlak Islam seperti mana yang telah mereka pelajari di sekolah melalui mata pelajaran Pendidikan Islam peringkat KBSR dan KBSM. Perbincangan dalam bahagian ini akan dibahagikan kepada beberapa topik kecil, iaitu pengaruh media massa terhadap akhlak pelajar, konsep dakwah dalam Islam, pengaruh media massa dan perkembangan akhlak pelajar, dan kajian tentang media massa di daerah Sabak Bernam.

2.3.3.1 Pengaruh Media Massa Terhadap Akhlak Pelajar

Dalam era dunia tanpa sempadan, peranan media dalam menyebarkan dan menyampaikan maklumat serta pendidikan kepada masyarakat menjadi semakin penting. Boleh dikatakan bahawa setiap rumah dari berbagai-bagai lapisan masyarakat mempunyai kemudahan audio video seperti radio, televisyen, VCD/DVD dan komputer. Kemudahan yang ditawarkan oleh pihak Telekom Malaysia, Jaring, TMNet dan sebagainya telah menambahkan peranan media, khususnya media elektronik, di dalam masyarakat. Internet kini telah menjadi salah satu sumber utama maklumat dan jumlah penggunaannya juga semakin meningkat dengan adanya pelbagai kemudahan yang ditawarkan seperti *cyber café* dan *pre-paid internet*, serta disokong oleh harga komputer yang agak murah dan mudah diperolehi di negara kita. Namun begitu, kemudahan internet pada masa ini masih tidak dapat lagi menggantikan peranan media massa yang telah lama bertapak dan terus ampuh wujud, iaitu televisyen, radio dan media cetak. Malah, jika diperhatikan jumlah siaran televisyen, radio dan juga jenis-jenis majalah, ia semakin bertambah jika dibanding dengan kedudukannya dalam tempoh sepuluh tahun lalu.

Tanpa menafikan kepentingannya dalam memberikan pendidikan dan ilmu kepada masyarakat, media massa telah juga memberikan kesan yang negatif kepada perkembangan akhlak masyarakat, terutamanya di kalangan generasi muda. Pelbagai jenis hiburan, bahan bacaan, bahan audio video serta gambar yang dipertontonkan melalui pelbagai jenis media telah mencetuskan ketidak stabilan dalam emosi dan psiko-sosial remaja masa kini. Bahan-bahan tersebut telah disebar secara terbuka kepada khalayak seolah-olah ianya mengikut peraturan dan tanpa menyalahi etika yang sedia ada dalam masyarakat. Dengan erti kata lain ianya “dihalalkan” oleh undang-undang.

Mugheses-uddin (1997:57) telah menjelaskan bahawa terdapat pelbagai cara di mana media telah mencemarkan masyarakat secara terbuka. Menurut beliau:

There are many ways in which the media can offend without straying beyond the laws: inaccuracy, lies, distortions, bias, propaganda, favoritism, sensationalism, trivialization, lapses of tastes, vulgarity,

sleaze, sexism, racism, homophobia, personal attacks, smears, character assassination, deception, and invasion of privacy.

Syed Ali Ashraf (1997) juga telah mengkritik pihak media massa yang sering menggunakan alasan demokrasi, kebebasan dan juga hak individu bagi membolehkan mereka melaksanakan berbagai-bagai bentuk rancangan dan program yang akhirnya telah merosakkan budaya dan cara hidup serta pegangan agama seseorang. Menurut Ashraf (1997:1)

...it [the media] has become a very powerful instrument in the hands of human beings to cultivate or destroy moral values, to affect and control the minds of people by those who have the power over these media. In the name of freedom and human rights, various big and small companies have started putting up programmes with little censorship or restriction. Whether these programmes will be good or bad depends on what is meant by good or bad and who determines what is good and what is evil.

Beliau turut menegaskan bahawa atas alasan yang sama juga, konsep kebaikan dan keburukan, konsep benar dan salah yang berasaskan agama telah dihapuskan. Maka, pada mereka hak menentukan sesuatu yang baik atau pun buruk adalah terletak kepada individu itu sendiri. Sikap pihak media massa yang lebih mementingkan keuntungan kewangan dan juga sikap individualistik serta materialistik telah menyebabkan media massa tidak memikirkan kesan jangka masa panjang yang bakal diterima oleh masyarakat akibat daripada ketamakan mereka tersebut.

Tidak dapat dinafikan bahawa pada masa ini masih belum wujud satu etika kewartawanan berasaskan kepada akhlak Islam yang boleh dijadikan panduan walaupun umat Islam di seluruh dunia berjumlah lebih dari satu billion (Mughees-uddin 1997). Ribuan bahan yang diterbitkan dan juga dibaca oleh umat Islam masih tidak dikawal oleh etika media Islam. Ini telah mengakibatkan kebanyakan hasil terbitan majalah, surat khabar dan juga program hiburan oleh umat Islam sendiri seolah-olah tidak ada bezanya dengan nilai-nilai yang ada dalam masyarakat sekular. Masalah yang berlaku ini menurut Mughees-uddin adalah disebabkan beberapa faktor, antaranya kurangnya sokongan dari pihak kerajaan, kurang minat dan kesungguhan di kalangan wartawan Islam serta kurangnya sokongan dari ilmuan-ilmuan Islam sendiri dalam membangunkan etika

kewartawanan. Dengan perkataan lain, etika yang diamalkan adalah berasaskan nilai-nilai etika kebaratan yang berteraskan kepada fahaman sekular-liberal.

2.3.3.2 Konsep Dakwah dalam Islam

Dari perspektif Islam, konsep serta prinsip penerbitan media dan amalan kewartawanan perlulah berdasarkan konsep dakwah Islamiah Islam itu sendiri. Media massa adalah salah satu alat dakwah yang boleh memberikan kesan yang besar dan mampu merubah minda masyarakat untuk memahami ajaran Islam, seterusnya menghayati segala suruhannya. Secara umumnya, masyarakat Islam telah memahami konsep asas dakwah dan pelbagai definisi yang telah dikemukakan oleh ramai tokoh Islam. Secara ringkas, masyarakat awam memahami dakwah sebagai seruan panggilan ke arah kebaikan yang berasaskan kepada Islam. Berdasarkan kepada berbagai-bagai definisi yang dikemukakan oleh para ulama', dapatlah dirumuskan bahawa dakwah ialah "satu kegiatan ajakan baik dalam bentuk lisan, tulisan, tingkah laku dan sebagainya yang dilakukan secara sedar dan berencana dalam usaha mempengaruhi orang lain baik secara individu mahupun secara kelompok agar timbul dalam dirinya suatu pengertian, kesedaran, sikap, penghayatan serta pengalaman terhadap ajaran agama sebagai mesej yang disampaikan kepadanya dengan tanpa adanya unsur-unsur paksaan" (Ab Aziz Md Zin 1999).

Maka, dapatlah difahami bahawa dakwah adalah satu program yang terancang dan boleh membawa kepada pengamalan dan penghayatan Islam dalam diri seseorang individu. Dalam Islam, dakwah adalah satu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh setiap orang Islam sama ada secara individu atau secara bersama-sama. Tugas dakwah ini adalah untuk menyampaikan mesej dan ajaran Islam serta mahu menjadikan manusia itu patuh dan taat kepada perintah Allah swt. Firman Allah swt:

Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada Aku (Surah al-Dharyat, ayat 56).

Tugas penghambaan dan beribadat kepada Allah adalah satu tugas yang kekal dan matlamat utama manusia adalah untuk mengabdikan dirinya semata-mata untuk Allah swt. Di samping itu, manusia juga mempunyai tugas sementara yang kedua, iaitu khalifatullah yang tamat apabila dia meninggal dunia. Maka tugas dan peranan dakwah adalah untuk menjadikan manusia beriman dan patuh kepada segala perintah-Nya. Ini adalah untuk menjamin keselamatan, kesejahteraan dan kebahagiaan manusia di dunia dan akhirat. Mengikut Abdullah Muhammad Zin (1991), setiap individu Muslim yang bertanggungjawab harus berfungsi sebagai da'i dan dia perlu mempunyai beberapa asas yang utama seperti berikut:

- a) Mempunyai kefahaman Islam - Seorang da'i perlu mempunyai kefahaman yang benar terhadap Islam yang merupakan satu sistem hidup (al-din) dan bukan semata-mata kepada aspek ritual sahaja. Dia juga harus mempunyai pengetahuan yang cukup berkaitan dengan al-Quran dan al-Sunnah.
- b) Motivasi yang benar dan ikhlas - Pendakwah perlu mempunyai motivasi dan niat yang betul kerana ianya akan menghasilkan kesungguhan, semangat dan kesabaran.
- c) Kelakuan dan akhlak yang baik - Pendakwah perlu mempunyai akhlak yang mulia dan boleh menjadi contoh teladan kepada orang lain.
- d) Bersungguh-sungguh dan sedia memberi pengorbanan - Pendakwah perlu bersedia untuk memberi pengorbanan masa, harta, dirinya dan apa jua semata-mata kerana Allah swt.

Skop atau ruang lingkup dakwah adalah amat luas sekali dan perlu melibatkan ramai individu baik secara langsung atau tidak langsung. Oleh itu, setiap aktiviti yang membawa kepada kebaikan dan Islam adalah satu usaha dakwah. Prinsip asas yang perlu dipegang oleh para pendakwah ialah *amar bi al-ma'ruf wa nahi `an al-mungkar*.

Namun begitu, hakikat yang sedang berlaku di kalangan kebanyakan penerbit, penulis, serta wartawan Islam masih tidak melaksanakan tugas mereka sebagai pendakwah, malah mereka melaksanakan tugas yang bertentangan dengan konsep *amar bi al-ma'ruf wa nahi `an al-mungkar*. Konsep tawhid yang menjadi teras kepada kehidupan setiap Muslim telah diketepikan dan kawalan metafizik menjadi semakin tidak

kukuh. Wartawan seharusnya menjadi pendakwah, tetapi realiti yang berlaku ramai yang telah melaksanakan tugas yang sebaliknya, justeru tidak dapat menjelaskan Islam sebagai pembawa kebaikan dan mendidik masyarakat. Apa yang nyata, kebanyakan media massa kini lebih berminat untuk mempromosikan hiburan yang tiada nilai keIslaman, tetapi penuh dengan konflik pemikiran, kebebasan yang melampau, skandal, seks dan juga fahaman liberalisme yang akhirnya membawa kepada longgarnya pengangan agama serta menjauhkan masyarakat dari nilai-nilai Islam yang sebenar.

2.3.3.3 Pengaruh Media Massa dan Perkembangan Akhlak Pelajar

Dalam membincangkan pengaruh media massa terhadap perkembangan akhlak pelajar, kita perlu melihat beberapa kajian dan juga perbincangan yang telah dijalankan oleh ramai tokoh pendidikan di dalam dan luar negara tentang isu ini. Kebanjiran VCD, DVD, satelit TV dan pelbagai program dan rancangan televisyen dalam pasaran di serata negara Islam telah menimbulkan pelbagai masalah di kalangan generasi muda Islam mereka. Larking (1996) telah menjelaskan bagaimana media massa, khususnya televisyen, telah mempengaruhi perkembangan kehidupan seorang pelajar, dan pada pandangan beliau, *“along with the home video, television can lull the viewer into a passive reception on ideas under the guise of being entertained”* (1996:40).

Malah, fungsi semulajadi dan matlamat televisyen untuk memberi hiburan menyebabkan program-program yang dijalankan perlu berbentuk hiburan sebagaimana yang dinyatakan oleh Larking (1996:40), di mana *“television’s task is to entertain and even when it is seeking to inform, it must be done in an entertaining manner”*. Selain itu, menurut beliau, televisyen boleh menjadi *modern day idolatry* di dalam rumah dan menjadi ancaman kepada pegangan agama jika penggunaan secara melampau dan tidak dikawal. Larking juga menegaskan bahawa penyalahgunaan televisyen boleh memberi kesan negatif kepada generasi muda kerana ia boleh menyimpangkan seseorang daripada realiti kehidupan yang sebenar dan menjadi “hamba” kepada televisyen. Menurut Larking (1996:41), *“television image promises to insulate our lives from reality by entertaining*

us. The television image can rob young people of their time, and bring them into bondage to itself”.

Larking juga berpendapat televisyen telah menjadi satu persaingan kepada bahan-bahan pendidikan yang bercetak kerana sifatnya yang berbentuk hiburan dan persembahan yang lebih menarik berbanding teks tulisan. Budaya menonton televisyen yang berlebihan dan tidak terkawal secara tidak langsung telah menarik remaja untuk lebih gemar menonton televisyen dan kurang memberi tumpuan kepada pembacaan buku-buku. Pada padangan Larking (1996:41):

“In homes where there is unrestricted television viewing and a number of young family members, it becomes exceedingly difficult for young people to withdraw from the action presented on the television and seclude themselves in a quiet place where they can read”.

Malah, apa yang lebih membimbangkan lagi ialah televisyen telah memupuk sifat pasif dalam diri remaja kerana *“one of the dangers of televisyen is that since it does not call for a considered response there is a strong tendency for young people to become passive receivers of information through their television viewing”* (Larking 1997:40).

Dalam satu kajian terhadap pengaruh televisyen yang dijalankan di England dan Wales, melibatkan 20,968 pelajar tahun sembilan dan sepuluh menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan antara menonton televisyen dengan perkembangan sosio-psikologi remaja (Francis 1997). Pelajar yang ketagih menonton televisyen lebih menghadapi masalah sosio-psikologi seperti kesedaran diri yang rendah, kerisauan dalam hubungan, kurang menerima perhatian dari keluarga, kurang berminat terhadap kerja sekolah, kurang mantap keyakinan agama, lebih percaya kepada perkara tahyul, dan lebih bermasalah dalam gejala seks dan keganasan, berbanding dengan rakan-rakan mereka yang kurang menonton televisyen. Ini menunjukkan media, khususnya televisyen mempunyai kesan secara langsung atau tidak langsung dalam perkembangan diri dan akhlak remaja. Selain itu, *soft pornography* juga secara tidak langsung telah dipromosikan dengan meluas melalui program-program hiburan, tarian, dan nyayian yang mengasyikkan. Di Malaysia, program-program tersebut turut ditayangkan dalam

beberapa saluran televisyen seperti RTM2, Mega TV, TV8 dan MTV. Malah, pada setiap minggu, filem-filem Hindi dalam TV3 dan NTV7 juga mempromosikan pelbagai aksi yang berunsur negatif serta seksi berserta dengan tarian-tariannya, penuh dengan gaya yang amat menggairahkan penonton, khususnya para remaja dari pelbagai lapisan umur.

Selain dari televisyen, majalah-majalah dalam pasaran juga mempunyai pengaruh yang besar dalam perkembangan dan kehidupan harian remaja. Hasil dari pemerhatian yang dijalankan, terdapat pelbagai jenis majalah yang boleh didapati dan dibeli dengan mudah dalam pasaran, kebanyakannya difokuskan kepada golongan pembaca remaja. Majalah-majalah hiburan yang mendapat sambutan yang hangat dari golongan remaja hanya banyak memaparkan kisah dan gossip artis-artis serta *celebrity* terkenal. Ini ditambah pula dengan aksi-aksi dari artis tempatan dan luar negara yang mendedahkan aurat, dengan berpakaian seksi serta bercanggah dengan nilai-nilai ketimuran dan keIslaman yang sering dipaparkan dalam majalah-majalah tersebut.

Fokus utama yang diberikan dalam majalah ini adalah hiburan semata-mata dan ianya tidak memberikan sumbangan yang positif kepada perkembangan akhlak generasi muda, malah hanya berkisar kepada persoalan gossip-gossip dan kehidupan artis yang penuh glamor dan hidup berpoya-poya. Budaya yang tidak berasaskan nilai ketimuran malah jauh sekali dari nilai-nilai akhlak Islam dijadikan tumpuan dalam majalah-majalah ini yang secara tidak langsung telah mempengaruhi pemikiran pembaca-pembaca yang juga tidak mempunyai latar pendidikan agama yang kukuh. Ini mengakibatkan apa yang ditunjukkan oleh majalah-majalah tersebut menjadi “benar” kerana ianya dipaparkan, dipromosikan secara terang-terangan, serta dianggap perkara biasa dalam masyarakat, malah ianya dibenarkan oleh undang-undang.

Dalam majalah hiburan tersebut, selain dari kandungan terdapat juga iklan-iklan yang menonjolkan budaya barat yang berasaskan kepada keseronokan, pakaian dan budaya hidup bebas yang mengeneipkan nilai-nilai dan ajaran Islam. Malah, majalah-majalah keluarga juga sering memapar dan mempromosikan cara hidup yang materialistik berasaskan kemewahan dan hidup yang penuh selesa dan keindahan, seperti

rumah-rumah mewah, hiasan dalaman rumah yang *elegant*, persediaan serta liputan majlis-majlis perkahwinan golongan berada dan terkenal yang tidak mampu dicapai oleh semua individu. Ini menyebabkan secara tidak langsung persepsi dan *world-view* remaja juga berfokus kepada nilai-nilai dan budaya yang berasaskan kemewahan, kesenangan, glamor, hidup secara bebas dan mengenyahkan nilai-nilai keagamaan yang sepatutnya mengawal diri mereka dari mengingkari perintah Allah swt.

Nilai-nilai yang dipupuk melalui majalah-majalah ini, khususnya majalah hiburan tidak memberi sumbangan yang positif kepada perkembangan akhlak pelajar kerana isi kandungannya yang bercanggah dengan syarak, sebaliknya pelajar-pelajar lebih didedahkan kepada nilai-nilai kemewahan, keseronokan dan cara hidup yang liberal. Hanya segelintir pelajar yang membaca bahan-bahan bacaan bermutu seperti Dewan Pelajar, Dewan Siswa, Dewan Masyarakat dan Pelita Bahasa. Kebanyakan pelajar lebih berminat membaca majalah hiburan yang banyak dalam pasaran, dan akhirnya menyebabkan kualiti bahasa dan maklumat pelajar berada pada tahap yang rendah.

Selain daripada itu, internet juga telah mengundang pelbagai masalah kepada pelajar, antaranya ponteng sekolah, lepak, membuang masa dalam *chatting box*, dan melayari laman web yang lucah. Isu kafe internet yang menjadi salah satu punca pelajar ponteng dan lepak telah diutarakan dalam akhbar harian (Berita Harian 6 September 2003). Penglibatan pelajar-pelajar dalam *chatting box* juga amat membimbangkan kerana mereka sanggup menghabiskan masa berjam-jam di hadapan internet untuk berbual dengan teman-teman mereka. Kemajuan ICT telah mempengaruhi perkembangan diri pelajar, khususnya kepada mereka yang terdedah kepada kemudahan internet yang tidak dikawal.

Promosi seks dan kelakuan sumbang serta *hard pornography* amat mudah diperolehi kerana laman-laman web yang sangat mudah untuk diekses pada bila-bila masa oleh para pelajar. Akibat penggunaan komputer yang melampau, terdapat sesetengah pengguna yang menghadapi sakit jiwa, kemurungan, tekanan perasaan, kejahatan, kemaksiatan, dan melakukan jenayah (Ismail Ibrahim 2003). Kegemparan yang timbul akibat daripada perbuatan melarikan pelajar perempuan yang berumur 12

tahun dengan teman *chatting* yang berumur 31 tahun di United Kingdom telah menyebabkan pihak MSN menutup operasi *chatrooms* di beberapa buah negara di Eropah, Asia Barat, Asia dan Amerika Latin (BBC News 24 September 2003). Tindakan ini adalah untuk memastikan *chatting rooms* tidak disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab ke atas remaja seperti mana kejadian yang telah berlaku. Kejadian ini telah menunjukkan bahawa media massa telah disalahgunakan yang menyebabkan kesan negatif kepada perkembangan diri golongan remaja.

2.3.3.4 Kajian Tentang Media Massa di Daerah Sabak Bernam

Kemajuan yang pesat dalam bidang sains dan teknologi telah memberi kesan yang besar kepada perkembangan media massa di negara ini. Perkembangan media telah memberi peluang kepada rakyat Malaysia dari pelbagai lapisan memperolehi maklumat, hiburan dan juga pendidikan. Bagi tujuan kajian ini, analisa dan pemerhatian berkaitan media massa dibahagikan kepada dua kategori seperti, iaitu media cetak dan media elektronik yang sering hubungkan dengan pelajar-pelajar Islam.

a) Media cetak

Penyelidik telah menjalankan kajian dan pemerhatian di beberapa buah kedai buku, gerai majalah dan juga kedai-kedai runcit yang menjual bahan-bahan media cetak di Pekan Sekinchan, Pekan Sungai Besar dan Pekan Sabak Bernam. Matlamat pemerhatian ini adalah untuk mendapatkan maklumat yang jelas tentang jumlah premis yang mengedar dan menjual bahan-bahan media cetak, jenis-jenis majalah, akhbar harian dan tabloid yang terdapat di kawasan tersebut. Selain itu, penyelidik juga ingin mengenal pasti jenis-jenis media cetak yang dijual di premis-premis tersebut.

Ketiga-tiga pekan ini merupakan tumpuan utama kepada masyarakat tempatan untuk membeli barang-barang keperluan harian mereka, dan bagi pelajar pula untuk membeli barang-barang keperluan sekolah, buku-buku rujukan, majalah-majalah dan

akhbar-akhbar harian. Fokus diberikan kepada media cetak yang sering dihubungkan dengan remaja atau pelajar. Jadual 2.1 di bawah menunjukkan jumlah dan jenis premis yang menjual bahan-bahan media cetak di tiga buah pekan utama di daerah Sabak Bernam:

JADUAL 2.1: Jumlah Premis Yang Menjual Bahan Media Cetak

Lokasi	Kedai Buku	Kedai Runcit	Gerai
Pekan Sekinchan	3	6	2
Pekan Sungai Besar	2	6	2
Pekan Sabak Bernam	1	2	1

Bahan-bahan media cetak yang sering dikaitkan dengan remaja yang diedar dan dijual di ketiga-tiga pekan tersebut boleh dikategorikan kepada beberapa jenis seperti yang terdapat dalam Jadual 2.2 yang berikut:

JADUAL 2.2: Jenis-Jenis Bahan Media Cetak

Jenis Media Cetak	Contoh
Hiburan	Magga, URTV, Media, HI
Sukan	FI, Bolasepak
Humor	Gempa
Misteri/Seram	Mastika
Remaja	Remaja
Komputer	IT
Pendidikan	Dewan pelajar, Dewan Siswa, Asuh, Didik
Agama	Al-Islam, Muslimah, Tamadun
Umum/Keluargaan	Wanita, Pengantin, Anjung Seri
Akhbar Hiburan Tabloid	Bacaria, Harian Metro, KOSMO, Harakah
Akhbar Harian	Berita Harian, Utusan Malaysia, The SUN, The Star, New Straits Time

b) Media elektronik

Perkembangan pesat dalam bidang media elektronik di negara ini telah menambahkan pilihan kepada jenis media massa elektronik kepada masyarakat, yang mana pada suatu ketika dahulu hanya bergantung kepada radio dan saluran-saluran televisyen *terrestrial* sahaja. Bagi tujuan kajian ini, fokus akan diberikan kepada media massa elektronik yang sering dikaitkan dengan pelajar Islam.

Umumnya, kita mengetahui tahap capaian media elektronik dalam masyarakat Malaysia adalah amat luas kerana boleh dikatakan ke semua rumah di negara kita pada masa ini mempunyai televisyen dan radio. Dengan perkembangan teknologi yang tinggi, tahap siaran saluran-saluran televisyen *terrestrial*, radio dan televisyen berbayar secara digital di kawasan-kawasan luar bandar menjadi semakin baik, tidak terkecuali bagi daerah Sabak Bernam. Selain itu, kemudahan talian telefon yang ada di daerah ini turut memberi peluang kepada masyarakat, khususnya pelajar-pelajar untuk mengakses internet melalui komputer peribadi di rumah mereka atau pun di mana-mana *cyber café*. Dalam bahagian ini, perbincangan media massa elektronik dibahagikan kepada sub tajuk seperti berikut:

i) Televisyen

Sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini, televisyen telah berkembang dengan pesatnya dalam tempoh sepuluh tahun kebelakangan ini. Kini, terdapat lima saluran *terrestrial*, iaitu TV1 RTM, TV2 RTM, TV3, NTV7 dan TV8, yang siarannya ditawarkan secara percuma kepada masyarakat dan yang mengadungi pelbagai bentuk seperti informasi, hiburan dan sukan. Selain itu, perkhidmatan saluran televisyen secara digital dan berbayar sedang ditawarkan oleh syarikat-syarikat swasta, misalnya MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd. (ASTRO) dan jumlah saluran itu akan diperbanyakkan. Pada masa ini, terdapat lebih daripada 40 saluran yang telah ditawarkan dan ianya dapat dikategorikan kepada beberapa jenis seperti berikut:

JADUAL 2.3: Jenis-Jenis Saluran Televisyen Astro

Jenis Saluran	Contoh Siaran
Hiburan	Astor Ria, Prima, Hallmark, AXN, Astro AEC, HBO Asia, Cinemex, Star Movies, MTV, Channel (V), Star World
Sukan	Astro Super Sport, EPN, Star Sports
Informasi/Pendidikan	Discovery Channel, Animal Planet, National Geographic, CNN, BBC World, Bloomberg, CNBC, TV Pendidikan, TVIQ, NHK World
Kartun	Nickelodeon, Disney Channel, Cartoon Network

Analisa yang dijalankan mendapati saluran-saluran TV yang disediakan kepada masyarakat merangkumi pelbagai bidang, namun jumlah saluran dan program yang ditawarkan kepada mereka lebih banyak berfokus kepada bidang hiburan. Oleh itu, terdapat beberapa persoalan yang boleh dibangkitkan. Adakah saluran-saluran informasi dan pendidikan yang ada ini dapat menarik minat remaja untuk menontonnya? Tidakkah remaja lebih tertarik kepada program-program hiburan berbanding dengan program akademik? Jika diberi peluang untuk memilih, saluran manakah yang menjadi pilihan remaja, pendidikan atau hiburan? Berapa lamakah mereka menonton program hiburan jika dibandingkan dengan program pendidikan? Isu ini seharusnya diberi perhatian yang mendalam kerana akibat daripada menonton pelbagai program dalam siaran televisyen yang tidak terkawal boleh memberikan kesan yang negatif kepada remaja.

Persoalan lain yang harus diperhatikan juga ialah tentang peranan ibu bapa dalam membimbing anak-anak mereka semasa menonton program-program televisyen. Tanpa bimbingan daripada ibu bapa, isu-isu negatif yang timbul tidak dapat difahami dan ditangani oleh remaja dengan kaedah yang sebenar.

ii) VCD/DVD

Penggunaan VCD dan DVD yang meluas di kalangan masyarakat telah memberi satu dimensi baru dalam dunia hiburan di Malaysia. Ini telah digalakkan lagi oleh harga pemain VCD yang murah dalam pasaran, iaitu hanya antara RM100.00 hingga RM150.00 sebuah, manakala penjualan VCD cetak rompak juga sangat berleluasa dan terdapat pula banyak kedai yang memberi perkhidmatan menyewa VCD. Harga VCD cetak rompak yang begitu murah (RM3.00 hingga RM5.00) pada satu ketika telah menyebabkan ia mudah diperolehi oleh remaja di pasar-pasar malam atau gerai-gerai kecil di tepi jalan, sebarang tanpa kawalan daripada pihak berkuasa. Demi untuk mengaut keuntungan yang cepat dan tinggi, pihak yang tidak bertanggungjawab telah mengambil kesempatan untuk menjual VCD lucah dan filem yang belum ditapis kepada mereka.

Tindakan kerajaan yang melakukan operasi besar-besaran yang bermula pada bulan Jun 2003 sehingga kini telah dapat mengurang dan mengawal penjualan VCD cetak rompak dan lucah di pasaran terbuka, walaupun ramai ahli masyarakat berpendapat bahawa tindakan tersebut terlalu lewat dilakukan kerana telah terlalu banyak bahan-bahan lucah yang terlepas ke tangan remaja di negara kita. Namun begitu, modus operandi pihak yang tidak bertanggungjawab ini telah berubah menjadi lebih sistematik dan ini menyukarkan lagi proses mengawal bahan-bahan negatif ini sampai kepada masyarakat. Sebagaimana televisyen juga, VCD mempunyai kesan dan pengaruh yang amat besar kepada para remaja kerana proses semulajadi televisyen dan juga VCD adalah untuk memberi hiburan kepada penonton-penontonnya.

Perkembangan yang hebat dalam teknologi audio video yang tidak terkawal ini perlu diberikan perhatian yang serius oleh masyarakat dan pihak berkuasa serta perlu diatasi dengan penuh kebijaksanaan serta kolektif. Apa yang pasti ialah penyebaran bahan-bahan lucah dan tidak bertapis ini telah memberi kesan negatif keatas perkembangan sosio-psikologi, pemahaman konsep dan amalan akhlak para remaja kerana mereka telah dipromosi dan didedahkan dengan berbagai-bagai bentuk budaya, cara hidup, dan nilai-nilai yang bertentangan dengan budaya masyarakat. Malah yang lebih besar lagi ia

bertentangan dengan ajaran dan syariat Allah swt. Sehubungan dengan itu, kita perlu mengkaji kesan media massa ini ke atas perkembangan akhlak remaja yang meliputi aspek sosio-psikologi mereka dan juga kesan ke atas pendidikan Islam yang mereka pelajari di sekolah.

iii) **Internet**

Kemudahan talian telefon dan elektrik yang sedia ada membolehkan masyarakat di kawasan luar bandar mengikuti perkembangan dalam bidang teknologi maklumat. Pelajar-pelajar boleh melayari laman-laman web melalui komputer peribadi di rumah, pusat-pusat komputer desa atau pun di siber kafe yang terdapat di bandar atau pekan yang berhampiran. Internet merupakan sumber baru untuk mendapatkan maklumat dan juga hiburan di kalangan masyarakat terutamanya golongan remaja. Sebagaimana juga televisyen, kemudahan internet mempunyai implikasi yang negatif jika ianya disalahgunakan atau tidak dipantau dengan baik. Pelajar-pelajar boleh mendapatkan maklumat yang berguna daripada internet tetapi pada masa yang sama mereka terdedah dengan pelbagai maklumat negatif seperti bahan lucah atau porno, subversif dan keganasan yang boleh menyelewengkan akidah mereka. *Chatting* yang tidak terkawal menyebabkan pelajar membuang masa atau terjebak ke alam fantasi sehingga pelajaran mereka terabai. Maka, bahan-bahan dan maklumat dari laman-laman web yang dilayari turut memberi kesan kepada perkembangan akhlak dan amalan harian para pelajar.

Kewujudan kafe-kafe siber telah memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk melayari pelbagai laman web dengan lebih bebas dan pastinya mereka akan lebih terdedah kepada cara untuk mendapat dan mencari maklumat dan bahan yang negatif atau yang salah dari segi Islam dan undang-undang negara. Keadaan ini ditambah pula dengan sikap pengusaha kafe-kafe siber yang mementingkan keuntungan yang pastinya tidak akan mengambil peduli tentang apa yang dilayari oleh pelanggan-pelanggan mereka kerana keuntungan yang maksimum adalah matlamat utama mereka. Kewujudan pengendali-pengendali kafe siber seperti ini telah memberi kesan yang besar kepada perkembangan generasi muda Islam, khususnya akhlak mereka akibat terpengaruh

dengan bahan-bahan yang diakses tanpa kawalan. Bagi tujuan kajian ini, penyelidik telah menjalankan tinjauan awal bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan jumlah kafe-kafe siber yang beroperasi di tiga buah pekan utama di daerah Sabak Bernam.

JADUAL 2.4: Jumlah Kafe Siber di Daerah Sabak Bernam

Pekan	Jumlah Kafe Siber
Pekansekinchan	3
Pekan Sungai Besar	1
Pekan Sabak Bernam	0

iv) **Radio**

Radio merupakan satu sumber maklumat dan hiburan yang popular di kalangan masyarakat dan jumlah stesen radio juga semakin bertambah dari masa ke semasa. Stesen radio ini dikendalikan dalam berbagai-bagai bahasa seperti Bahasa Melayu, Tamil, Mandarin dan Bahasa Inggeris. Bagi memenuhi kehendak masyarakat, pihak kerajaan melalui agensi penyiarannya RTM telah mengendalikan beberapa steten radio seperti Nasional FM 87.7, Muzik FM 95.3, Klasik FM 93.9, KL MF97.2, Suara Johor Best 104, Radio Kota Bahru, Kuala Terengganu, Radia Ipoh dan Radio Orang Asli. Selain itu, pihak Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) juga telah mengendalikan satu stesen radio berasaskan Islam, iaitu Radio IKIM. Terdapat juga beberapa stesen radio yang dikendalikan oleh pihak swasta iaitu MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd. (ASTRO) seperti ERA, MY, Opus, Hitz.FM, MIX FM, Light and Easy dan Red 104.8. Berdasarkan analisa tentang program radio yang ditawarkan, hampir kesemua stesen radio ini menawarkan hiburan kepada masyarakat selama 24 jam. Hanya beberapa stesen radio sahaja seperti ERA, Radio IKIM, Radio 1 dan stesen-stesen radio tempatan yang turut memasukkan unsur-unsur pendidikan dan sumber maklumat kepada para pendengar.

2.4 PENUTUP

Dalam bab ini telah dibincangkan beberapa aspek utama kajian, iaitu konsep dan matlamat pendidikan dalam Islam, pendidikan akhlak di Malaysia yang merangkumi perbincangan tentang konsep akhlak dan pendidikan akhlak di sekolah. Terdapat 14 aspek sosio-psikologi yang berkaitan terus dengan akhlak remaja, iaitu keadaan diri, kerisauan diri, kaunseling, hubungan dengan sekolah, menjalankan tugas, kepercayaan kepada agama, hubungan agama dengan masyarakat, kepercayaan kepada tahyul, melaksanakan tanggungjawab kepada masyarakat, ketuhanan, politik, kesedaran sosial, etika dan kesedaran seks, penggunaan bahan-bahan, konsep salah/benar, dan penggunaan masa lapang. Selain itu, perbincangan dalam bab ini juga menyentuh pengaruh media massa terhadap akhlak remaja, konsep dakwah dalam Islam dan masalah-masalah yang dihadapi dalam perkembangan media massa dalam umat Islam. Selanjutnya, penyelidik juga telah membincangkan analisa dapatan pemerhatian dan tinjauan awal yang berkaitan dengan media massa di daerah Sabak Bernam, Selangor. Bab yang berikutnya pula akan membincangkan tentang metodologi kajian yang digunakan untuk mengkaji pengaruh media massa ke atas pendidikan Islam, di mana fokus kajian adalah ke atas akhlak pelajar-pelajar Islam di kawasan luar bandar.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENDAHULUAN

Kajian ini adalah satu tinjauan yang berbentuk deskriptif bertujuan mengkaji kesan dan pengaruh media massa terhadap perkembangan psiko-sosial ke atas pendidikan akhlak pelajar-pelajar Islam di luar bandar. Dalam bab ini akan dihuraikan instrumen kajian, populasi dan sampel kajian, jadual kerja, pengumpulan data, dan analisis data kajian.

3.2 INSTRUMEN KAJIAN

Satu instrumen kajian telah dibina untuk kajian ini, iaitu borang soal selidik. Borang soal selidik ini dimodifikasi dan dibina berasaskan instrumen kajian oleh L. J. Francis (1997) dan Ab. Halim (2000). Borang soal selidik ini adalah alat utama untuk mengumpul maklumat primer kajian ini. Instrumen ini akan mengandungi 3 bahagian utama yang mempunyai 80 soalan berbentuk 5 skala Likert. Selain itu, satu set borang laporan pemerhatian dibina untuk mencatat jenis majalah dan surat khabar yang dijual di kedai-kedai dalam lokasi kajian. Data dari borang pemerhatian ini adalah untuk mendapatkan maklumat yang menyokong dapatan-dapatan lain kajian ini.

Untuk memastikan keesahan dan kebolehpercayaan borang soal selidik, penyelidik telah menjalankan satu kajian rintis di sebuah sekolah yang terpilih. Seramai 61 orang pelajar terlibat dalam kajian rintis ini. Hasil daripada ujian Alpha yang

dijalankan, tahap kebolehpercayaan untuk aspek pembangunan diri (Bahagian C) adalah tinggi, iaitu 0.8194, manakala nilai Alpha kebolehpercayaan untuk Bahagian D ialah 0.7715. Selain dari itu, penyelidik juga telah membuat analisis kandungan terhadap beberapa majalah, surat khabar, laman-laman web, program televisyen dan radio yang sering dihubungkan dengan remaja.

3.3 POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN

Populasi kajian ini adalah pelajar-pelajar Tingkatan 4 di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di daerah Sabak Bernam. Dalam memilih sampel kajian, penyelidik telah menggunakan kaedah *simple random sampling* (Babbie 1986 dan Burns 2000) di mana seramai 400 orang pelajar daripada empat buah sekolah kebangsaan di daerah Sabak Bernam telah menjadi responden kajian. Keempat-empat sekolah ini dipilih secara rawak berdasarkan senarai sekolah-sekolah di daerah Sabak Bernam yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Selangor. Penyelidik telah mengedarkan sebanyak 450 borang soal selidik kepada pelajar Tingkatan 4 di empat buah sekolah yang terpilih. Pelajar-pelajar tersebut dipilih secara rawak bagi menjawab borang soal selidik diberikan. Borang soal selidik tersebut diedarkan oleh penyelidik dengan bantuan pembantu penyelidik yang dilantik di setiap sekolah. Namun begitu, hanya 398 borang soal selidik telah lengkap dan dikembalikan semula untuk dianalisa. Berikut adalah jumlah sampel kajian yang diperolehi:

JADUAL 3.1: Anggaran Jumlah Sampel Kajian

No.	Jenis sekolah	Jumlah pelajar
1.	SMK Munshi Abdullah	98
2.	SMK Bagan Terap	99
3.	SMK Tunku Abdul Rahman Putra	89
4.	SMK Dato Mustafa	112
JUMLAH		398

3.4 JADUAL KERJA

Kajian telah mengambil masa selama setahun bermula pada bulan Jun 2003 hingga Mei 2004. Jadual kerja dari bulan ke bulan adalah seperti berikut:

JADUAL 3.2: Perancangan Kajian

	2003							2004				
	J	J	O	S	K	N	D	J	F	M	A	M
Merancang projek, menjalankan tinjauan literatur dan merekabentuk kajian												
Membina instrument kajian												
Kajian Rintis dan pemurnian instrumen												
Kerja lapangan												
Analisa Data												
Penulisan laporan												

3.5 PENGUMPULAN DATA

Pengumpulan data bagi kajian ini adalah dengan menggunakan satu set borang soal selidik seperti yang telah dinyatakan pada bahagian awal bab ini. Dalam proses pengumpulan data, penyelidik telah memohon kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Selangor. Setelah mendapat kebenaran daripada kedua-dua pihak berkenaan, penyelidik telah menulis surat dan menghubungi melalui telefon pihak sekolah yang terpilih dan

memaklumkan tentang kajian yang akan dijalankan kepada mereka. Setelah kajian rintis dijalankan, kerja lapangan sebenar telah dijalankan di daerah Sabak Bernam pada bulan Mac dan Februari 2004. Untuk memastikan kelancaran proses penyelidikan ini, penyelidik dibantu oleh seorang pembantu penyelidik di setiap sekolah. Selain itu, penyelidik juga telah menjalankan penilaian berdasarkan borang pemerhatian di beberapa buah kedai dan gerai yang menjual majalah, surat khabar dan VCD di pekan Sekinchan, Sungai Besar dan Sabak Bernam.

3.6 ANALISA DATA

Data yang diperolehi dalam kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan program *SPSS for Windows Version 12.0.1*. Analisis data tersebut dilakukan dengan menggunakan statistik diskriptif seperti peratus dan frekuensi, terutama yang berkaitan dengan latar belakang sampel dan juga persepsi sampel terhadap item-item atau pembolehubah-pembolehubah kajian. Ujian *inferential* seperti *Pearson Correlation*, *T-Test*, dan *ANOVA* telah digunakan untuk melihat hubungan dan juga perbezaan yang wujud antara pembolehubah-pembolehubah yang terdapat dalam kajian ini.

3.7 PENUTUP

Bab ini telah membincangkan aspek-aspek penting dalam pelaksanaan penyelidikan yang berkaitan dengan metodologi kajian seperti instrument kajian, populasi kajian, jadual kerja, pengumpulan data dan penganalisan data.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan dapatan-dapatan kajian yang telah dijalankan dan laporan ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu latar belakang kajian dan analisis statistik deskriptif.

4.2 LATAR BELAKANG RESPONDEN

Kajian ini telah melibatkan seramai 398 orang pelajar daripada empat buah sekolah menengah kebangsaan di Daerah Sabak Bernam. Berikut adalah beberapa maklumat penting tentang latar belakang sampel kajian ini.

JADUAL 4.1 Jantina Responden

Jantina	N	Peratusan
Lelaki	200	50.3
Perempuan	198	49.7

Berdasarkan Jadual 4.1 di atas, didapati bahawa 50.3% responden adalah terdiri daripada pelajar lelaki, manakala 49.7% lagi adalah pelajar perempuan. Daripada segi

aliran akademik, majoriti responden (61.6%) belajar dalam aliran sastera, 26.9% belajar dalam aliran sains, dan 11.6% belajar dalam lain-lain aliran (lihat Jadual 4.2).

JADUAL 4.2 :Aliran Akademik

Aliran	N	Peratusan
Sains	107	26.9
Sastera	245	61.6
Lain-lain	46	11.6

JADUAL 4.3: Gred Mata Pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR

Gred	N	Peratusan
A	57	14.3
B	161	40.5
C	114	28.6
D	47	11.8
E	13	3.3

Majoriti pelajar yang dikaji (40.5%) memperolehi gred B bagi mata pelajaran Pendidikan Islam di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan 28.6% pelajar pula memperolehi gred C. Hanya 14.3% pelajar sahaja yang mendapat gred A, manakala 15.1% pelajar lagi memperolehi pencapaian lemah atau gagal (gred D dan E) bagi mata pelajaran Pendidikan Islam di peringkat PMR. Sila lihat Jadual 4.3.

JADUAL 4.4: Tahap Bacaan al-Quran

Tahap Bacaan al-Quran	N	Peratusan
Khatam	255	64.1
Belum khatam	134	33.7

Daripada segi tahap bacaan al-Quran, dapatan kajian menunjukkan bahawa 64.1% responden telahpun khatam al-Quran, manakala 33.7% responden masih belum lagi tamat mengaji (lihat Jadual 4.4).

JADUAL 4.5: Kekerapan Melakukan Ibadat Solat

Jenis Solat	N dan (%) Melakukan Ibadat Solat				
	Sentiasa	Kerap	Kadang-kadang	Jarang-jarang	Tidak Pernah
Solat 5 waktu	110(27.6)	141(35.4)	-	140(35.2)	-
Solat berjemaah	42(10.6)	53(13.3)	142(36.1)	95(24.2)	61(15.5)

Mengenai ibadat solat lima waktu, hanya 27.6% responden yang sentiasa melakukannya, sementara 35.4% responden kerap melakukannya dan 35.2% responden lagi mengatakan mereka jarang-jarang melakukannya. Bagi solat berjemaah pula, hanya 10.6% responden sahaja yang sentiasa melakukannya, 13.3% responden pula kerap bersolat berjemaah, sedangkan majoriti responden (36.1%) kadang-kadang sahaja yang solat berjemaah. Malah terdapat 15.5% responden yang mengatakan bahawa mereka tidak pernah melakukan solat berjemaah (lihat Jadual 4.5).

JADUAL 4.6 Kemudahan Siaran/Bahan Hiburan di Rumah

Jenis Siaran/Bahan Hiburan	N dan (%) Kemudahan Siaran/Bahan Hiburan	
	Ada	Tiada
ASTRO	23 (5.8)	374 (94.0)
Internet	21 (5.3)	377 (94.7)
VCD/DVD	92 (23.1)	306 (76.9)

Mengenai kemudahan siaran dan bahan hiburan di rumah, 23.1% responden memiliki VCD/DVD, 5.8% responden mempunyai kemudahan ASTRO dan 5.3% responden mempunyai kemudahan internet.

4.3 ANALISIS STATISTIK DESKRIPTIF

Huraian yang berikut ialah laporan analisis statistik deskriptif mengenai pengaruh media massa terhadap pegangan nilai akhlak di kalangan pelajar Islam di Sabak Bernam. Selain itu, turut dimuatkan juga ialah persepsi pelajar-pelajar tersebut terhadap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam KBSM serta kaitannya dengan pengaruh media massa yang mereka tonton.

JADUAL 4.7: Jumlah Pendedahan kepada Media Massa di Kalangan Pelajar

Bil	Perkara (N=398)	(0) TP	(1) <5*	(2) 6-10*	(3) 11-15*	(4) 16-20*	(5) >21*	Min
1	Menonton televisyen	2 (0.5)	88 (22.9)	108 (28.1)	85 (22.1)	61 (15.8)	41 (10.6)	3.62
2	Menonton VCD/DVD	45 (11.3)	237 (73.2)	63 (16.4)	29 (7.5)	5 (1.3)	6 (1.6)	2.30
3	Mendengar radio	22 (5.7)	166 (43.2)	89 (23.2)	49 (12.3)	27 (7.0)	31 (8.1)	2.96
4	Membaca majalah	50 (13.1)	245 (64.0)	57 (14.9)	20 (5.2)	9 (2.3)	2 (0.5)	2.21
5	Melayari laman web	299 (75.1)	62 (16.2)	11 (1.8)	7 (1.8)	3 (0.8)	1 (0.3)	1.32
6	Membaca surat khabar	49 (12.7)	235 (60.7)	55 (14.2)	23 (5.9)	21 (5.4)	4 (1.0)	2.34

*Jam dalam seminggu

Mengenai pendedahan kepada media massa, secara purata responden yang dikaji telah menghabiskan sejumlah 3.62 jam seminggu menonton televisyen, 2.96 jam seminggu mendengar radio, 2.34 jam seminggu membaca surat khabar, 2.30 jam seminggu menonton VCD/DVD, 2.21 jam seminggu membaca majalah, dan hanya 1.32 jam seminggu melayari laman web (sila lihat Jadual 4.7).

Secara lebih khusus lagi, sejumlah 10.6% responden mengatakan yang mereka telah menghabiskan lebih daripada 21 jam seminggu menonton televisyen, 15.8% responden pula menghabiskan antara 16 hingga 20 jam seminggu, 22.1% responden menghabiskan antara 11 hingga 15 jam seminggu, 28.1% responden menghabiskan 6

hingga 10 jam seminggu, dan 22.9% responden menghabiskan tidak lebih daripada 5 jam seminggu untuk tujuan yang sama. Hanya 0.5% responden telah mengatakan yang mereka tidak pernah menonton televisyen.

Mengenai pendedahan kepada menonton VCD/DVD, majoriti (73.2%) responden mengatakan bahawa mereka telah menghabiskan tidak lebih daripada 5 jam seminggu untuk tujuan tersebut. Sebanyak 16.4% responden pula mengatakan yang mereka menghabiskan antara 6 hingga 10 jam seminggu, 10.4% responden menghabiskan lebih 10 jam seminggu untuk tujuan yang sama, dan 11.3% responden lagi tidak pernah menontonnya.

Mendengar radio adalah pendedahan media massa yang kedua paling popular selepas televisyen. Namun begitu, majoriti (76.4%) responden mengatakan bahawa mereka telah menghabiskan tidak lebih daripada 10 jam seminggu untuk tujuan tersebut. Malah, terdapat juga sejumlah 5.7% responden tidak pernah mendengar radio dalam seminggu.

Melayari laman web dan membaca majalah adalah dua bentuk pendedahan media massa yang kurang popular. Majoriti (75.1%) responden mengatakan yang mereka tidak pernah melayari laman web. Hanya 20.9% responden memperuntukkan masa untuk melayari laman web dalam seminggu dan daripada jumlah tersebut pula, sebanyak 16.2% responden menghabiskan tidak lebih daripada 5 jam seminggu melayari laman web.

Mengenai pendedahan kepada membaca surat khabar, majoriti (60.7%) responden mengatakan bahawa mereka telah menghabiskan kurang daripada 5 jam seminggu untuk tujuan tersebut. Sebanyak 14.2% responden mengatakan yang mereka menghabiskan antara 6 hingga 10 jam seminggu, dan 12.3% responden pula menghabiskan lebih daripada 11 jam seminggu untuk tujuan tersebut. Namun demikian, terdapat sebanyak 12.7% responden yang mengatakan mereka langsung tidak terdedah kepada membaca surat khabar dalam seminggu.

JADUAL 4.8: Minat Pelajar Terhadap Kandungan Bahan dalam Media Massa

Bil	Perkara	Min
1.	Hiburan	3.93
2.	Agama	3.68
3.	Misteri/Seram	3.66
4.	Pendidikan	3.56
5.	<i>Humor</i>	3.55
6.	Pengetahuan Am/ <i>Discovery</i>	3.46
7.	Sukan	3.32
8.	Lucah/ <i>X-rated</i>	1.62

Min skor minat pelajar terhadap kandungan bahan dalam media massa yang ditonton oleh responden kajian ini ditunjukkan dalam Jadual 4.8 di atas. Berdasarkan jadual tersebut, adalah jelas bahawa kandungan bahan yang berbentuk hiburan (min = 3.93) merupakan perkara atau kriteria utama yang menjadi penentu kepada pilihan pelajar. Ini diikuti pula oleh bahan kandungan yang berunsur agama (min = 3.68), bahan kandungan yang berunsur seram (min = 3.66), bahan kandungan yang berunsur pendidikan (min = 3.56), bahan kandungan yang berunsur *humor* (min = 3.55), bahan kandungan yang berunsur pengetahuan/*discovery* (min = 3.46), bahan kandungan yang berunsur sukan (min = 3.32), dan bahan kandungan yang berunsur lucu/*X-rated* (min = 1.62).

Analisis statistik deskriptif yang seterusnya bagi kajian ini ialah tentang aspek pegangan nilai akhlak di kalangan pelajar Islam di Sabak Bernam dan kaitannya dengan pengaruh media massa. Pegangan nilai akhlak pelajar dan hubungannya dengan pengaruh media massa dihuraikan berdasar kepada min skor perkara-perkara yang terdapat dalam Jadual 4.9 di atas. Untuk memudahkan perbincangan, min skor pegangan nilai akhlak pelajar dan pengaruh media massa tersebut boleh dibahagikan kepada tiga kelompok; iaitu min tinggi (min antara 4.01 hingga 4.83), min sederhana (min antara 3.02 hingga 3.97), dan min rendah (min antara 2.69 hingga 2.99).

JADUAL 4.9: Pegangan Nilai Akhlak Pelajar dan Pengaruh Media Massa

Bil	Perkara	Min
1	Saya mempunyai matlamat hidup yang jelas	4.01
2	Saya merasakan bahawa hidup saya bermakna/bernilai	4.26
3	Saya mempunyai tanggungjawab sebagai hamba Allah	4.70
4*	Saya sering TIDAK berpuas hati dengan apa yang saya perolehi	2.79
5*	Saya selalu merasa tertekan dalam menjalani kehidupan di dunia ini	2.99
6*	Hidup saya penuh kekecewaan/ kesedihan	3.59
7*	Belajar di sekolah amat membosankan	3.62
8	Saya merasa seronok apabila bersama rakan-rakan di sekolah	4.31
9	Sekolah membantu saya dalam menjalani kehidupan seharian	4.17
10	Guru-guru di sekolah menjadi model/ccontoh teladan kepada saya	4.03
11	Saya sering merasa risau dengan ujian/peperiksaan di sekolah	4.06
12	Saya merasa bangga dengan sekolah saya	4.07
13	Saya seorang yang yakin dengan agama Islam yang saya anuti	4.68
14	Saya akan mendahulukan amalan agama daripada perkara-perkara lain	4.25
15	Saya percaya dengan pembalasan daripada Allah selepas mati	4.83
16	Kitab al-Quran menjadi panduan utama hidup saya	4.71
17*	Saya percaya bahawa hantu/tahyul boleh memudaratkan kita	2.69
18*	Saya percaya kepada ramalan bintang/horoskopik	3.54
19*	Merokok bukan satu amalan yang buruk	3.97
20*	Pergaulan antara lelaki dan perempuan TIDAK perlu disekat pada zaman ini	3.64
21*	<i>Dating</i> adalah perkara biasa bagi pasangan yang bercinta	2.84
22*	Fesyen pakaian artis/selebriti mempengaruhi pemilihan pakaian saya	3.40
23*	Ibu bapa kita seharusnya mencontohi ibu bapa di barat mendidik anak-anak mereka	3.76
24	Jiran tetangga perlu mengambil peduli apa yang dilakukan oleh anak-anak jiran mereka	3.30
25*	Saya berpendapat rancangan TV banyak memberi pengetahuan seks kepada saya	3.68
26	Adegan/gambar yang menjolok mata dalam media massa merisaukan saya	3.44
27*	Kisah keruntuhan keluarga dalam media massa memberi kesan negatif kepada saya	2.99
28*	Saya lebih suka menonton rancangan TV dan VCD yang berunsur seks	4.22
29*	Seks luar nikah adalah amalan yang diterima oleh masyarakat hari ini	4.20
30	Media massa banyak menyiarkan rancangan/bahan yang memupuk akhlak remaja	3.74
31*	Saya suka menonton rancangan yang berunsur keganasan	3.02
32*	Saya TIDAK berminat menonton rancangan yang berunsur kekeluargaan	3.26
Min Keseluruhan		3.77

* Skor bagi item-item negatif ini telah dikodkan semula, dimana respons "Tidak Setuju" dan "Sangat Tidak Setuju" kepada pernyataan negatif akan diberi skala yang tinggi

Daripada sejumlah 32 perkara yang berkaitan dengan pegangan nilai akhlak pelajar yang ditanya kepada responden, terdapat 14 perkara yang boleh dikelompokkan ke dalam min skor yang tinggi, iaitu min skor antara 4.01 hingga 4.83. Daripada jumlah tersebut pula, 9 perkara adalah berkaitan dengan nilai yang positif serta selaras dengan pegangan nilai akhlak Islam seperti: Saya percaya dengan pembalasan daripada Allah selepas mati (min = 4.83); Kitab al-Quran menjadi panduan utama hidup saya (min = 4.71); Saya mempunyai tanggungjawab sebagai hamba Allah (min = 4.70); Saya seorang yang yakin dengan agama Islam yang saya anuti (min = 4.68); Saya merasa seronok apabila bersama rakan-rakan di sekolah (min = 4.31); Saya merasakan bahawa hidup saya bermakna/bernilai (min = 4.26); Saya akan mendahulukan amalan agama daripada perkara-perkara lain (min = 4.25); Sekolah membantu saya dalam menjalani kehidupan seharian (min = 4.17); Saya merasa bangga dengan sekolah saya (min = 4.07); Guru-guru di sekolah menjadi model/ccontoh teladan kepada saya (min = 4.03); dan Saya mempunyai matlamat hidup yang jelas (min = 4.01).

Walau bagaimanapun, terdapat juga 3 perkara yang berkaitan dengan nilai negatif yang tersenarai dalam kelompok min skor yang tinggi, iaitu : Saya lebih suka menonton rancangan TV dan VCD yang berunsur seks (min = 4.22); Seks luar nikah adalah amalan yang diterima oleh masyarakat hari ini (min = 4.20); dan Saya sering merasa risau dengan ujian/peperiksaan di sekolah (min = 4.06). Malah, kalau disusun secara *ranking* tinggi rendah skor min 32 perkara tersebut, ketiga-tiga nilai negatif yang mendapat skor tinggi, masing-masingnya adalah pada kedudukan 8, 9, dan 12.

Kelompok min skor yang kedua ialah antara 3.02 hingga 3.97 dan terangkum di dalamnya ialah sejumlah 13 perkara yang berkaitan pegangan nilai akhlak pelajar dan pengaruh media massa. Dalam kelompok ini, hanya 3 perkara adalah berkaitan dengan nilai yang positif serta selaras dengan pegangan nilai akhlak Islam, iaitu: Media massa banyak menyiarkan rancangan/bahan yang memupuk akhlak remaja (min = 3.74); Adegan/gambar yang menjolok mata dalam media massa merisaukan saya (min = 3.44), dan Jiran tetangga perlu mengambil peduli apa yang dilakukan oleh anak-anak jiran mereka (min = 3.30).

Sebaliknya, yang mendominasi kelompok min skor yang kedua ini ialah 10 nilai yang negatif seperti: Merokok bukan satu amalan yang buruk (min = 3.97); Ibu bapa kita seharusnya mencontohi ibu bapa di barat mendidik anak-anak mereka (min = 3.76); Saya berpendapat rancangan TV banyak memberi pengetahuan seks kepada saya (min = 3.68); Pergaulan antara lelaki dan perempuan tidak perlu disekat pada zaman ini (min = 3.64); Belajar di sekolah amat membosankan (min = 3.62); Hidup saya penuh kekecewaan/kesedihan (min = 3.59) ; Saya percaya kepada ramalan bintang/horoskopik (min = 3.54); Fesyen pakaian artis/selebriti mempengaruhi pemilihan pakaian saya (min = 3.40); Saya tidak berminat menonton rancangan yang berunsur kekeluargaan (min = 3.26); dan Saya suka menonton rancangan yang berunsur keganasan (min = 3.02).

Kelompok min skor yang terakhir ialah antara 2.69 hingga 2.99 dan terangkum di dalamnya ialah sejumlah 5 perkara yang berkaitan pegangan nilai akhlak pelajar dan pengaruh media massa yang disusun secara *ranking* seperti berikut: Kisah keruntuhan keluarga dalam media massa memberi kesan negatif kepada saya (min = 2.99); Saya selalu merasa tertekan dalam menjalani kehidupan di dunia ini (min = 2.99); *Dating* adalah perkara biasa bagi pasangan yang bercinta (min = 2.84); Saya sering tidak berpuas hati dengan apa yang saya perolehi (min = 2.79); dan Saya percaya bahawa hantu/tahyul boleh memudaratkan kita (min = 2.69).

JADUAL 4.10: Persepsi Terhadap Pendidikan Islam dan Pengaruh Media Massa

Bil	Perkara	Min
1	Pendidikan Islam adalah mata pelajaran penting di sekolah	4.51
2*	Pelajar Islam TIDAK sepatutnya diwajibkan belajar subjek Pendidikan Islam di sekolah	4.32
3	Pengajaran Pendidikan Islam di sekolah berguna kepada saya	4.55
4	Subjek Pendidikan Islam dapat memberi panduan untuk saya menilai media massa	4.26
5*	Rancangan/bahan media massa lebih menarik daripada bahan subjek Pendidikan Islam	3.12
6*	Saya akan tetap mengikuti sesuatu rancangan TV/radio walaupun ia dilarang oleh Islam	3.69
7*	Kaedah pengajaran Islam TIDAK menarik dan setanding persembahan media massa	3.54
8	Bahan pengajaran Pendidikan Islam lebih menarik berbanding majalah hiburan/humor	3.55
9*	Persembahan buku teks Pendidikan Islam TIDAK menarik minat saya berbanding persembahan media massa	3.25
10	Saya menggunakan internet untuk mendapatkan bahan-bahan Pendidikan Islam	2.97
11	Saya akan berhenti menonton rancangan TV yang saya minati apabila mendengar azan	3.79
12	Saya merasa kecewa kerana kebanyakan rancangan/bahan dalam media massa bercanggah dengan kandungan Pendidikan Islam yang saya pelajari	3.48
13	Pendidikan Islam dapat mengawal diri saya daripada unsur-unsur negatif media massa	4.10
14	Pendidikan Islam yang diajar sekarang adalah sesuai/ relevan bagi golongan remaja	4.13
Min Keseluruhan		3.74

* Skor bagi item-item negatif ini telah dikodkan semula, dimana respons "Tidak Setuju" dan "Sangat Tidak Setuju" kepada pernyataan negatif akan diberi skala yang tinggi

Mengenai persepsi pelajar terhadap Pendidikan Islam dan pengaruh media massa, terdapat sejumlah 6 item daripada sejumlah 14 perkara yang disenaraikan yang boleh dikelompokkan ke dalam min skor yang tinggi, iaitu min skor antara 4.10 hingga 4.55. Item-item tersebut ialah: Pengajaran Pendidikan Islam di sekolah berguna kepada saya (min =4.55); Pendidikan Islam adalah mata pelajaran penting di sekolah (min =4.51); Pelajar Islam tidak sepatutnya diwajibkan belajar subjek Pendidikan Islam di sekolah (min =4.32). Subjek Pendidikan Islam dapat memberi panduan untuk saya menilai media massa (min =4.26); Pendidikan Islam yang diajar sekarang adalah sesuai/relevan bagi

golongan remaja (min =4.13), dan Pendidikan Islam dapat mengawal diri saya daripada unsur-unsur negatif media massa (min =4.10), ke semuanya menunjukkan persepsi positif pelajar terhadap pengajaran Pendidikan Islam di sekolah.

Sebanyak 7 item telah mendapat min skor yang sederhana, iaitu antara 3.12 hingga 3.79. Daripada jumlah tersebut, hanya 3 item yang tergolong ke dalam persepsi yang positif, iaitu: Saya akan berhenti menonton rancangan TV yang saya minati apabila mendengar azan (min = 3.79); Bahan pengajaran Pendidikan Islam lebih menarik berbanding majalah hiburan/humor (min = 3.55); dan Saya merasa kecewa kerana kebanyakan rancangan/bahan dalam media massa bercanggah dengan kandungan Pendidikan Islam yang saya pelajari (min =3.48). Sebaliknya, bagi 4 item yang selebihnya, iaitu: Saya akan tetap mengikuti sesuatu rancangan TV/radio walaupun ia dilarang oleh Islam (min =3.69); Kaedah pengajaran Pendidikan Islam tidak menarik dan setanding persembahan media massa (min =3.54); Persembahan buku teks Pendidikan Islam tidak menarik minat saya berbanding persembahan media massa (min =3.25); dan Rancangan/bahan media massa lebih menarik daripada bahan subjek Pendidikan Islam (min =3.12); ke semua item ini menunjukkan persepsi negatif pelajar terhadap pengajaran Pendidikan Islam di sekolah.

Hanya satu item yang mewakili kelompok min skor yang rendah, iaitu Saya menggunakan internet untuk mendapatkan bahan-bahan Pendidikan Islam. Min skor bagi item ini ialah 2.97 dan dari segi *ranking*, item ini adalah pada kedudukan yang terakhir.

4.4 ANALISIS STATISTIK INFERENS

Bahagian ini akan membincangkan dapatan analisis inferens terhadap data kajian yang dijalankan.

JADUAL 4.11: Perbezaan Min Jumlah Pendedahan kepada Media Massa, Pegangan Nilai Akhlak, dan Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Pendidikan Islam Berdasarkan Jantina

Bil	Pembolehubah bersandar	Pembolehubah bebas	Min	t	($\alpha=0.05$)	Hip Null
1	Pendedahan kepada media massa	Lelaki	2.50	1.343	.180	Terima
		Perempuan	2.42		TS	
2	Pengajaran pendidikan Islam	Lelaki	3.66	-	.000	Tolak
		Perempuan	3.82	3.880	S	
3	Pegangan nilai akhlak	Lelaki	3.68	-	.000	Tolak
		Perempuan	3.87	5.436	S	

Jadual 4.11 di atas menunjukkan dapatan ujian-t yang dijalankan untuk melihat perbezaan yang terdapat pada beberapa pembolehubah bersandar berdasarkan jantina. Secara keseluruhannya tidak terdapat perbezaan yang signifikan jumlah pendedahan kepada media massa di kalangan pelajar lelaki dan perempuan. Namun begitu, dapatan di atas menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan berkaitan persepsi mereka terhadap pengajaran Pendidikan Islam di sekolah dimana persepsi pelajar perempuan lebih positif berbanding dengan pelajar lelaki. Begitu juga dalam aspek pegangan nilai akhlak dimana dapatan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan. Dapatan menunjukkan pelajar perempuan mempunyai pegangan yang lebih positif daripada pelajar lelaki.

JADUAL 4.12: Perbezaan Min Jumlah Pendedahan kepada Media Massa, Pegangan Nilai Akhlak, dan Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Pendidikan Islam Berdasarkan Aliran Akademik

Bil	Pembolehubah bersandar	Pembolehubah bebas	Min	T	($\alpha=0.05$)	Hip Null
1	Pendedahan kepada media massa	Sains Sastera	2.61 2.41	2.880	.004 S	Tolak
2	Pengajaran pendidikan Islam	Sains Sastera	3.88 3.70	4.036	.000 S	Tolak
3	Pegangan nilai akhlak	Sains Sastera	3.94 3.74	5.453	.000 S	Tolak

Jadual 4.12 di atas pula menunjukkan dapatan ujian-t yang dijalankan ke atas tiga pemboleh ubah bersandar untuk melihat perbezaan berdasarkan aliran akademik pelajar-pelajar. Dapatan ujian-t yang dijalankan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan jumlah pendedahan kepada media massa berdasarkan aliran akademik pelajar-pelajar dimana jumlah pendedahan kepada media massa di kalangan pelajar aliran sains lebih tinggi berbanding dengan pelajar aliran sastera. Begitu juga persepsi pelajar terhadap pengajaran Pendidikan Islam di sekolah dimana dapatan menunjukkan persepsi pelajar aliran sains lebih positif berbanding dengan rakan-rakan dalam aliran sastera. Manakala dalam aspek pegangan akhlak pula, dapatan menunjukkan bahawa pelajar aliran sains mempunyai pegangan akhlak yang lebih kuat berbanding dengan pelajar-pelajar daripada aliran sastera.

JADUAL 4.13: Perbezaan Min Jumlah Pendedahan kepada Media Massa, Pegangan Nilai Akhlak, dan Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Pendidikan Islam Berdasarkan Langganan ASTRO

Bil	Pembolehubah bersandar	Pembolehubah bebas	Min	T	($\alpha=0.05$)	Hip Null
1	Pendedahan kepada media massa	Ada Tidak	2.77 2.44	2.439	.015 S	Tolak
2	Pengajaran pendidikan Islam	Ada Tidak	3.81 3.74	.880	.379 TS	Terima
3	Pegangan nilai akhlak	Ada Tidak	3.77 3.77	-.004	.997 TS	Terima

Jadual 4.13 adalah ringkasan analisis yang berkaitan dengan perbezaan Jumlah pendedahan kepada media massa, persepsi terhadap pengajaran akhlak dan juga pegangan nilai akhlak berdasarkan langganan terhadap stesyen penyiaran ASTRO. Dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam jumlah pendedahan kepada media massa di kalangan pelajar-pelajar yang mempunyai saluran ASTRO dengan mereka yang tidak mempunyai saluran ASTRO di rumah. Jumlah pendedahan kepada media massa dikalangan pelajar-pelajar yang mempunyai ASTRO adalah lebih tinggi berbanding dengan rakan-rakan mereka yang mempunyai saluran testerial sahaja. Bagi dua pembolehubah bersandar lain, dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar yang mempunyai kemudahan ASTRO di rumah.

JADUAL 4.14: Perbezaan Min Jumlah Pendedahan kepada Media Massa, Pegangan Nilai Akhlak, dan Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Pendidikan Islam Berdasarkan Kemudahan Internet di Rumah

Bil	Pembolehubah bersandar	Pembolehubah bebas	Min	T	($\alpha=0.05$)	Hip Null
1	Pendedahan kepada media massa	Ada Tidak	2.76 2.44	2.389	.017 S	Tolak
2	Pengajaran pendidikan Islam	Ada Tidak	3.72 3.74	-.285	.776 TS	Terima
3	Pegangan nilai akhlak	Ada Tidak	3.81 3.77	.496	.620 TS	Terima

Jadual 4.13 adalah ringkasan analisis yang berkaitan dengan perbezaan jumlah pendedahan kepada media massa, persepsi terhadap pengajaran akhlak dan juga pegangan nilai akhlak berdasarkan kemudahan internet di rumah. Dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam jumlah pendedahan kepada media massa di kalangan pelajar-pelajar yang mempunyai kemudahan internet di rumah dengan mereka yang tidak mempunyai kemudahan internet di rumah. Jumlah masa yang diperuntukkan untuk media massa dikalangan pelajar-pelajar yang mempunyai kemudahan internet di rumah lebih tinggi berbanding dengan rakan-rakan mereka yang tidak mempunyai kemudahan internet di rumah. Ini disebabkan terdapat laman-laman web yang menyediakan bahan-bahan remaja, hobi, siaran langsung saluran televisyen dan pelajar-

pelajar juga lebih mudah untuk mendapat maklumat terkini yang berhubung dengan filem-filem, dunia hiburan serta program-program siaran televisyen yang ada. Bagi dua pembolehubah bersandar lain, dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan kemudahan internet di rumah.

JADUAL 4.15: Perbezaan Min Jumlah Pendedahan kepada Media Massa, Pegangan Nilai Akhlak, dan Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Pendidikan Islam Berdasarkan Kemudahan VCD di Rumah

Bil	Pembolehubah bersandar	Pembolehubah bebas	Min	T	($\alpha=0.05$)	Hip Null
1	Pendedahan kepada media massa	Ada Tidak	2.36 2.49	- 1.765	.078	Terima
2	Pengajaran pendidikan Islam	Ada Tidak	3.73 3.75	-.431	.667	Terima
3	Pegangan nilai akhlak	Ada Tidak	3.80 3.77	655	.513	Terima

Jadual di atas menunjukkan bahawa ujian-ujian t yang dijalankan untuk melihat perbezaan perbezaan jumlah pendedahan terhadap media massa, persepsi terhadap pengajaran akhlak dan juga pegangan nilai akhlak berdasarkan kemudahan VCD di rumah. Dapatan menunjukkan bahawa faktor kemudahan VCD di rumah tidak memainkan peranan dalam menentukan jumlah pendedahan terhadap media massa, persepsi terhadap pengajaran Pendidikan Islam dan pegangan akhlak di kalangan pelajar

JADUAL 4.16: Perbezaan Min Jumlah Pendedahan kepada Media Massa, Pegangan Nilai Akhlak, dan Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Pendidikan Islam Berdasarkan Tahap Pembacaan Al-Quran

Bil	Pembolehubah bersandar	Pembolehubah bebas	Min	T	($\alpha=0.05$)	Hip Null
1	Pendedahan kepada media massa	Khatam Belum khatam	2.49 2.38	1.862	.063 TS	Terima
2	Pengajaran pendidikan Islam	Khatam Belum khatam	3.78 3.66	2.734	.007 S	Tolak
3	Pegangan nilai akhlak	Khatam Belum khatam	3.83 3.68	3.749	.000 S	Tolak

Jadual 4.16 di atas menunjukkan dapatan analisa yang dijalankan untuk melihat perbezaan tiga pembolehubah bersandar yang dinyatakan sebelum ini. Dapatan mendapati bahawa perbezaan min tempoh terdedah kepada media massa dikalangan pelajar yang khatam dan tidak khatam membaca al-Quran adalah tidak signifikan. Bagi aspek pengajaran pendidikan Islam, dapatan menunjukkan perbezaan yang signifikan dimana pelajar yang telah khatam mempunyai min yang lebih tinggi daripada rakan-rakan yang lain. Begitu bagi aspek pegangan akhlak, dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-dua kumpulan tersebut. Min pelajar yang telah khatam al-Quran didapati lebih tinggi berbanding dengan rakan mereka yang belum khatam membaca al-Quran.

JADUAL 4.17: Perbezaan Min Jumlah Pendedahan kepada Media Massa, Pegangan Nilai Akhlak, dan Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Pendidikan Islam Berdasarkan Kekerapan Menunaikan Solat Lima Waktu

Bil	Pembolehubah bersandar	Pembolehubah bebas	Min	F	($\alpha=0.05$)	Hip Null
1	Pendedahan kepada media massa	Sentiasa	2.33	3.790	.023	Tolak
		Agak kerap	2.52			
		Kadang-kadang	2.52			
2	Pengajaran pendidikan Islam	Sentiasa	3.87	9.957	.000	Tolak
		Agak kerap	3.74			
		Kadang-kadang	3.64			
3	Pegangan nilai akhlak	Sentiasa	3.94	29.992	.000	Tolak
		Agak kerap	3.80			
		Kadang-kadang	3.61			

Berdasarkan dapatan di atas, secara statistik, terdapat perbezaan yang signifikan jumlah pendedahan kepada media massa, pegangan nilai akhlak, dan persepsi pelajar terhadap pengajaran Pendidikan Islam berdasarkan kekerapan menunaikan solat lima waktu. Sehubungan itu ujian post-hoc (LSD) telah diadakan untuk melihat dengan lebih terperinci perbezaan-perbezaan yang wujud. Bagi jumlah pendedahan kepada media massa, dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pelajar yang sentiasa menunaikan solat lima waktu dengan kumpulan pelajar yang agak kerap dan juga yang kadang-kadang menunaikan solat lima waktu. Pelajar yang sentiasa melakukan solat lima waktu mempunyai min yang lebih rendah daripada kedua-dua kumpulan lain.

Bagi persepsi pelajar terhadap pengajaran Pendidikan Islam, ujian post-hoc (LSD) menunjukkan perbezaan yang signifikan wujud pada setiap kumpulan. Pelajar yang sentiasa menunaikan solat mempunyai persepsi yang lebih positif, diikuti oleh kumpulan pelajar yang agak kerap dan selepas itu kumpulan pelajar yang kadang-kadang menunaikan solat lima waktu. Kedudukan yang sama juga didapati pada aspek pegangan nilai akhlak di kalangan pelajar dimana pelajar yang sentiasa menunaikan solat mempunyai persepsi yang lebih positif diikuti oleh mereka yang agak kerap dan jarang-jarang.

JADUAL 4.18: Perbezaan Min Tempoh Pendedahan kepada Media Massa, Pegangan Nilai Akhlak, dan Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Pendidikan Islam Berdasarkan Pencapaian Pendidikan Islam Penilaian Menengah Rendah

Bil	Pembolehubah bersandar	Pembolehubah bebas	Min	F	($\alpha=0.05$)	Hip Null
1	Pendedahan kepada media massa	A	2.54	4.327	.002	Tolak
		B	2.55			
		C	2.27			
		D	2.42			
		E	2.64			
2	Pengajaran pendidikan Islam	A	3.84	2.480	.044	Tolak
		B	3.78			
		C	3.70			
		D	3.67			
		E	3.58			
3	Pegangan nilai akhlak	A	3.93	16.975	.000	Tolak
		B	3.85			
		C	3.74			
		D	3.57			
		E	3.25			

Secara statistik, terdapat perbezaan yang signifikan jumlah pendedahan kepada media massa, pegangan nilai akhlak, dan persepsi pelajar terhadap pengajaran Pendidikan Islam berdasarkan pencapaian pelajar dalam peperiksaan Pendidikan Islam (PMR). Dapatan daripada ujian ANOVA satu hala seperti dalam Jadual 4.18 di atas menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan tempoh pendedahan kepada media massa berdasarkan kumpulan pencapaian pelajar dalam peperiksaan Pendidikan Islam (PMR). Ujian post-hoc (LSD) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar yang

mendapat Gred B dan C, manakala bagi kumpulan-kumpulan pula tidak terdapat perbezaan yang negatif. Keseluruhannya, jumlah pendedahan terhadap media massa antara kumpulan pencapaian pelajar dalam Pendidikan Islam (PMR) boleh dikatakan hampir sama.

Bagi aspek persepsi pelajar pengajaran Pendidikan Islam, ujian pos-hoc (SD) mendapati perbezaan signifikan hanya wujud antara antara pelajar yang mendapat gred A dengan pelajar-pelajar yang mendapat gred C, D dan E. Bagi perbezaan antara kumpulan-kumpulan lain, dapatan ujian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan. Umumnya, pelajar yang mendapat gred yang lebih tinggi dalam Pendidikan Islam (PMR) mempunyai persepsi yang lebih positif berbanding dengan rakan-rakan mereka yang mendapat gred yang lebih rendah. Bagi aspek pegangan nilai akhlak pelajar-pelajar, dapat menunjukkan bahawa semua kumpulan ada perbezaan yang signifikan kecuali bagi mereka yang mendapat gred A dan B. Seperti mana sebelum ini, pelajar-pelajar yang mendapat gred yang lebih baik mempunyai pegangan nilai akhlak yang lebih baik berbanding dengan rakan-rakan mereka yang mendapat gred yang lebih rendah.

JADUAL 4.19: Perbezaan Min Tempoh Pendedahan kepada Media Massa, Pegangan Nilai Akhlak, dan Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Pendidikan Islam Berdasarkan Kekerapan Solat Berjamaah

Bil	Pembolehkan bersandar	Pembolehkan bebas	Min	F	($\alpha=0.05$)	Hip Null
1.	Tempoh terdedah kepada media massa	Sentiasa	2.32	1.374	.242 TS	Terima
		Agak kerap	2.50			
		Kadang-kadang	2.50			
		Jarang-jarang	2.38			
		Tidak pernah	2.54			
2.	Pengajaran pendidikan Islam	Sentiasa	3.86	1.265	.283 TS	Terima
		Agak kerap	3.75			
		Kadang-kadang	3.72			
		Jarang-jarang	3.75			
		Tidak pernah	3.70			
3.	Pegangan nilai akhlak	Sentiasa	3.83	.991	.412 TS	Terima
		Agak kerap	3.77			
		Kadang-kadang	3.73			
		Jarang-jarang	3.81			
		Tidak pernah	3.76			

Jadual 4.19 pula menunjukkan dapatan daripada ujian ANOVA satu hala bagi melihat perbezaan min berdasarkan kekerapan bersolat jemaah di kalangan pelajar. Analisis statistik yang telah dijalankan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan mengenai tempoh pendedahan kepada media massa, pegangan nilai akhlak, dan persepsi pelajar terhadap pengajaran pendidikan Islam berdasarkan kekerapan solat berjamaah. Walaupun dapatan tersebut tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan, namun min bagi mereka yang sentiasa bersolat jemaah adalah lebih tinggi dalam aspek pegangan nilai akhlak, dan persepsi pelajar terhadap pengajaran pendidikan Islam. Selain itu, mereka yang sentiasa menunaikan solat berjamaah mempunyai jumlah min yang terendah bagi tempoh pendedahan kepada media massa.

JADUAL 4.20: Hubungan Antara Pembolehubah-Pembolehubah

Pembolehubah	R	p	Aras Signifikan	Hip Null
Minat terhadap bahan-bahan hiburan dengan pegangan nilai akhlak	-.116	.020	Signifikan	Tolak
Minat terhadap bahan-bahan sukan dengan pegangan nilai akhlak	-.084	.096	Tidak signifikan	Terima
Minat terhadap bahan-bahan humor dengan pegangan nilai akhlak	-.107	.034	Signifikan	Tolak
Minat terhadap bahan-bahan seram dengan pegangan nilai akhlak	-.066	.191	Tidak signifikan	Terima
Minat terhadap bahan-bahan agama dengan pegangan nilai akhlak	.307	.000	Signifikan	Tolak
Minat terhadap bahan-bahan pengetahuan am dengan pegangan nilai akhlak	.313	.000	Signifikan	Tolak
Minat terhadap bahan-bahan lucu dengan pegangan nilai akhlak	-.452	.000	Signifikan	Tolak
Minat terhadap bahan-bahan pendidikan dengan pegangan nilai akhlak	.342	.000	Signifikan	Tolak
Minat terhadap bahan-bahan hiburan dengan pengajaran Pendidikan Islam	-.091	.071	Tidak signifikan	Terima

Minat terhadap bahan-bahan sukan dengan pengajaran Pendidikan Islam	.041	.420	Tidak signifikan	Terima
Minat terhadap bahan-bahan humor dengan pengajaran Pendidikan Islam	-.081	.111	Tidak signifikan	Terima
Minat terhadap bahan-bahan seram dengan pengajaran Pendidikan Islam	-.015	.761	Tidak signifikan	Terima
Minat terhadap bahan-bahan agama dengan pengajaran Pendidikan Islam	.345	.000	Signifikan	Tolak
Minat terhadap bahan-bahan pengetahuan am dengan pengajaran Pendidikan Islam	.297	.000	Signifikan	Tolak
Minat terhadap bahan-bahan lucu dengan pengajaran Pendidikan Islam	-.344	.000	Signifikan	Tolak
Minat terhadap bahan yang berunsur pendidikan dengan pengajaran Pendidikan Islam	.383	.000	Signifikan	Tolak
Jumlah terdedah dengan media massa dengan pegangan nilai akhlak	-.177	.000	Signifikan	Tolak
Jumlah terdedah dengan media massa dengan persepsi terhadap pengajaran Pendidikan Islam	-.115	.024	Signifikan	Tolak
Persepsi engajaran pendidikan Islam dan pegangan nilai akhlak	.573	.000	Signifikan	Tolak

Beberapa ujian Pearson's Correlation telah dilakukan oleh pengkaji untuk melihat hubungan yang wujud antara beberapa pembolehubah. Dalam Jadual 4.18 di atas, ditunjukkan ringkasan dapatan daripada analisis yang telah dijalankan. Dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa minat terhadap bahan-bahan hiburan dengan pegangan nilai akhlak mempunyai hubungan negatif yang signifikan ($r=-.116$). Walaupun hubungan itu sangat lemah tetapi hubungan tersebut bermakna daripada perspektif statistik.

Bagi hubungan minat terhadap bahan media massa yang berunsur sukan dengan pegangan nilai akhlak, dapatan menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kedua-duanya ($r=.084$). Minat terhadap bahan media massa yang berunsur humor pula mempunyai hubungan negatif yang sangat lemah pegangan nilai akhlak pelajar-pelajar ($r=-.107$).

Minat pelajar-pelajar terhadap bahan media massa yang berunsur seram tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pegangan nilai akhlak mereka ($r=-.066$). Bagi aspek minat terhadap bahan media massa yang berunsur agama, dapatan menunjukkan ianya mempunyai hubungan yang bermakna dengan pegangan nilai akhlak pelajar ($r=.307$). Begitu juga dengan minat pelajar-pelajar terhadap bahan media massa yang berunsur pengetahuan am dengan pegangan nilai akhlak mereka dimana wujud hubungan yang signifikan antara kedua-duanya ($r=.313$). Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa minat terhadap bahan media massa yang berunsur lucu mempunyai hubungan negatif yang bermakna dengan pegangan nilai akhlak di kalangan pelajar-pelajar ($r=-.452$). Jadual di atas menunjukkan bahawa minat pelajar-pelajar terhadap bahan media massa yang berunsur pendidikan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pegangan nilai akhlak mereka ($r=.342$) walaupun hubungan tersebut masih berada pada tahap lemah.

Jadual tersebut juga menunjukkan bahawa minat terhadap bahan media massa yang berunsur hiburan tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan dengan persepsi mereka terhadap pengajaran Pendidikan Islam ($r=-.091$). Kedudukan yang sama juga ditunjukkan dalam aspek minat terhadap bahan media massa yang berunsur sukan dengan persepsi pelajar terhadap pengajaran Pendidikan Islam ($r=.041$), minat terhadap bahan media massa yang berunsur humor dengan persepsi pelajar terhadap pengajaran Pendidikan Islam ($r=-.081$), dan minat terhadap bahan media massa yang berunsur seram dengan persepsi pelajar terhadap pengajaran Pendidikan Islam ($r=-.015$).

Daripada jadual di atas, kajian ini menunjukkan bahawa minat pelajar-pelajar terhadap bahan media massa yang berunsur agama mempunyai hubungan positif yang

signifikan dengan persepsi mereka kepada pengajaran Pendidikan Islam ($r=.345$). Begitu juga dengan minat mereka terhadap bahan media massa yang berunsur pengetahuan am dengan persepsi pengajaran Pendidikan Islam di sekolah mereka dimana dapatan menunjukkan wujud hubungan bermakna yang signifikan ($r=.297$). Namun begitu, dapatan telah menunjukkan bahawa minat kepada bahan-bahan yang lucu dalam media massa memberi hubungan yang negatif yang signifikan kepada persepsi pelajar kepada pengajaran Pendidikan Islam di sekolah ($r=.344$). Selain itu, minat terhadap bahan yang berunsur pendidikan dalam media massa mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan persepsi pelajar pengajaran Pendidikan Islam yang diberikan oleh guru-guru mereka ($r=.383$).

Secara keseluruhannya, kajian ini telah memberikan kita gambaran bahawa jumlah masa pelajar terdedah kepada media massa mempunyai hubungannya dengan tahap pegangan nilai akhlak di kalangan pelajar. Hubungan negatif yang ada antara kedua-dua pembolehubah ini adalah signifikan walaupun ianya berada dalam keadaan yang sangat lemah ($r=-.177$). Ianya tidak menunjukkan hubungan positif terhadap peningkatan tahap pegangan nilai akhlak pelajar-pelajar. Malah, situasi yang sama juga wujud dalam hubungan antara jumlah masa terdedah kepada media massa dengan persepsi pelajar terhadap pengajaran Pendidikan Islam yang diberikan ($r=-.115$). Umumnya, dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap pengajaran Pendidikan Islam mempunyai hubungan positif dengan tahap pegangan nilai akhlak pelajar ($r=.573$). Ini bermakna pelajar-pelajar yang mempunyai persepsi positif terhadap pengajaran Pendidikan Islam mempunyai pegangan nilai akhlak yang lebih tinggi.

4.5 PENUTUP

Bab ini telah membentangkan hasil dapatan kajian yang telah melibatkan seramai 398 orang pelajar Islam di daerah Sabak Bernam, Selangor. Dapatan kajian ini telah dibentang secara diskriptif dan juga inferensi bagi melihat kesan media massa terhadap pegangan nilai akhlak pelajar tersebut secara khususnya dan juga pengajaran Pendidikan Islam secara amnya.

BAB 5

PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN PENUTUP

5.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan membincangkan dapatan-dapatan penting yang telah dianalisis dan dibentangkan dalam Bab 4. Perbincangan dalam bab ini ditumpukan kepada usaha untuk menjawab enam persoalan kajian yang telah dinyatakan dalam Bab 1 sebelum ini.

5.2 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Kajian ini telah dijalankan ke atas 398 pelajar Tingkatan 4 di empat buah sekolah dalam daerah Sabak Bernam Selangor. Secara umumnya, pelajar-pelajar ini terdiri daripada pelbagai latar belakang seperti aliran, tahap pencapaian dalam Pendidikan Islam, kemudahan media massa di rumah dan aktiviti ibadah solat. Perbincangan dalam tajuk ini akan dibahagikan kepada beberapa sub topik seperti yang dinyatakan di bawah:

5.2.1 Tahap Pendedahan Media Massa Di Kalangan Pelajar

Dari segi urutan, menonton televisyen merupakan media massa yang paling diminati oleh para pelajar, diikuti dengan mendengar radio, membaca surat khabar, menonton VCD/DVD, membaca majalah dan melayari laman web. Dapatan ini menunjukkan media elektronik seperti televisyen dan radio telah dilihat sebagai pilihan utama pelajar-pelajar dalam kajian ini. Keadaan ini mungkin disebabkan beberapa faktor, antaranya

ialah fungsi semula jadi televisyen dan radio yang memberi perkhidmatan berasaskan konsep hiburan, menyeronokkan, mudah dan ianya boleh ditonton secara pasif. Dapatan ini secara asasnya selaras dengan pandangan Larking (1996) yang menyatakan bahawa televisyen telah mengambil alih fungsi bahan-bahan bacaan sebagai sumber ilmu dan hiburan. Antara faktor yang lain menyumbang kepada ketinggian tahap pendedahan pelajar kepada televisyen dan radio berbanding dengan bahan-bahan bacaan lain ialah kerana wujudnya akses yang mudah dan menyeluruh bagi kedua-dua media elektronik tersebut di rumah-rumah para pelajar.

Secara umumnya, hampir kesemua rumah di negara ini sama ada di bandar atau luar bandar mempunyai kemampuan untuk memiliki televisyen kerana harganya yang murah dalam pasaran. Berdasarkan tinjauan yang dibuat, sebuah televisyen kini boleh diperolehi dengan harga serendah-rendah RM199.00 sahaja manakala sebuah radio kecil kini boleh dibeli dengan harga kurang RM10.00 sahaja. Berbanding dengan keadaan sepuluh tahun lalu, kebanjiran alat-alat media elektronik yang murah daripada negara luar seperti China, Vietnam, Indonesia dan Taiwan di dalam pasaran telah memberi peluang kepada masyarakat daripada pelbagai lapisan untuk memiliki televisyen dan radio. Selain daripada itu, kajian ini juga menunjukkan tahap pendedahan pelajar kepada bahan yang berasaskan komputer dan teknologi maklumat adalah pada tahap paling rendah. Keadaan ini mungkin disebabkan kekurangan kemudahan-kemudahan komputer yang meluas di kawasan luar bandar seperti di Daerah Sabak Bernam. Pendedahan terhadap bahan-bahan bacaan pula hanya berada pada tahap sederhana. Kajian ini secara umumnya selaras dengan kajian yang telah dilakukan oleh Larking (1996) yang mendapati media elektronik memberi kesan kepada kurangnya tahap minat membaca di kalangan golongan remaja.

5.2.2 Jenis Kandungan Media Massa Yang Diminati Pelajar

Dalam aspek kandungan media, dapatan kajian menunjukkan bahawa bahan-bahan media massa yang berbentuk hiburan merupakan jenis kandungan yang paling diminati oleh

pelajar-pelajar ini dengan min 3.93. Bahan-bahan media massa yang berbentuk keagamaan menduduki tempat kedua dan diikuti oleh bahan-bahan media massa yang berbentuk cerita seram atau berbentuk misteri. Bahan-bahan media massa yang berbentuk pendidikan pula hanya berada pada tahap keempat, disusuli oleh bahan-bahan media massa yang berbentuk humor, pengetahuan am dan sukan. Selain daripada itu, terdapat juga segelintir pelajar yang mengaku meminati bahan-bahan media massa yang berunsur lucu. Walaupun, ianya jumlah dikategorikan kecil, isu ini tidak harus dikesampingkan kerana mereka mungkin boleh mempengaruhi rakan-rakan yang lain jika tidak dikawal dengan caya yang berkesan.

Secara keseluruhannya, minat pelajar terhadap tujuh jenis kandungan bahan-bahan media massa seperti yang dinyatakan di atas nampaknya tidak banyak berbeza. Apa yang jelas, bahan-bahan media massa yang berbentuk hiburan merupakan bahan yang dipaling diminati oleh pelajar-pelajar ini. Keadaan ini mungkin disebabkan pelajar-pelajar lebih banyak atau mudah terdedah dengan bahan-bahan media massa yang berbentuk hiburan yang ada dalam pelbagai bentuk seperti televisyen, radio, VCD, internet, majalah dan surat khabar. Malah, berdasarkan analisis dan pemerhatian yang dijalankan ke atas siaran-siaran televisyen dan radio di negara ini dan juga di seluruh dunia, kedua-dua alat media ini beroperasi berasaskan pendekatan hiburan di mana ianya dijadikan sebagai kaedah utama dalam siaran-siaran mereka (Ab. Halim 2000).

5.2.3 Tahap Pegangan Nilai Akhlak Di Kalangan Pelajar

Secara keseluruhannya, tahap pegangan akhlak di kalangan pelajar yang dikaji hanya berada pada tahap sederhana sahaja. Dapatan kajian perlu diteliti dengan lebih mendalam kerana tahap pegangan akhlak adalah tidak mencapai tahap yang baik. Apa yang dirumuskan daripada dapatan kajian ini ialah item-item yang berkaitan dengan asas Islam seperti ketuhanan dan kepercayaan kepada Allah serta ibadah khusus adalah tinggi. Antara item-item tersebut ialah: *Saya percaya dengan pembalasan daripada Allah selepas mati* (min = 4.83); *Kitab al-Quran menjadi panduan utama hidup saya* (min =

4.71); *Saya mempunyai tanggungjawab sebagai hamba Allah* (min = 4.70); *Saya seorang yang yakin dengan agama Islam yang saya anuti* (min = 4.68); *Saya merasakan bahawa hidup saya bermakna/bernilai* (min = 4.26); *Saya akan mendahulukan amalan agama daripada perkara-perkara lain* (min = 4.25).

Namun begitu, terdapat beberapa item yang perlu diberi perhatian oleh guru-guru dan ibu bapa kerana min yang diperolehi adalah agak rendah. Item-item tersebut adalah seperti berikut: *Kisah keruntuhan keluarga dalam media massa memberi kesan negatif kepada saya* (min = 2.99); *Saya selalu merasa tertekan dalam menjalani kehidupan di dunia ini* (min = 2.99); *Dating adalah perkara biasa bagi pasangan yang bercinta* (min = 2.84); *Saya sering tidak berpuas hati dengan apa yang saya perolehi* (min = 2.79); dan *Saya percaya bahawa hantu/tahyul boleh memudaratkan kita* (min = 2.69). Skor min bagi kelima-lima item ini adalah antara 2.69 hingga 2.99

5.2.4 Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Pendidikan Islam

Dapatan ini menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap pengajaran Pendidikan Islam di sekolah mereka juga berada pada tahap sederhana (min: 3.74). Terdapat beberapa item yang dikategorikan sebagai tinggi, antaranya ialah pengajaran Pendidikan Islam di sekolah berguna kepada mereka (min =4.55); Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran penting di sekolah (min =4.51); pelajar Islam wajar diwajibkan belajar subjek Pendidikan Islam di sekolah (min =4.32). subjek Pendidikan Islam dapat memberi panduan kepada mereka menilai media massa (min =4.26); Pendidikan Islam yang diajar sekarang adalah sesuai/relevan bagi golongan remaja seperti mereka (min =4.13), dan Pendidikan Islam dapat mengawal diri mereka daripada unsur-unsur negatif media massa (min =4.10).

Terdapat beberapa item yang mempunyai skor yang rendah, iaitu pengakuan yang menyatakan bahawa mereka akan tetap mengikuti sesuatu rancangan TV/radio walaupun rancangan tersebut dilarang oleh Islam (min =3.69); kaedah pengajaran Pendidikan Islam

tidak menarik dan setanding persembahan media massa (min =3.54); persembahan buku teks Pendidikan Islam tidak menarik minat mereka berbanding persembahan media massa (min =3.25); rancangan/bahan media massa lebih menarik daripada bahan subjek Pendidikan Islam (min =3.12) dan mereka juga kurang menggunakan internet untuk mendapatkan bahan-bahan Pendidikan Islam (min =2.97).

Sehubungan dengan itu, pada pandangan pelajar, kualiti pengajaran pendidikan Islam di sekolah mereka kurang memuaskan kerana terhadap aspek-aspek pengajaran yang hanya berada pada tahap sederhana. Namun, pada prinsipnya, pengajaran Pendidikan Islam dilihat sebagai satu aspek yang penting, berguna dan dapat memberi panduan kepada mereka. Apa yang jelas kelemahan yang wujud dan dikenal pasti adalah pada aspek pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di dalam bilik darjah. Dapatan kajian ini menunjukkan trend yang sama dengan kajian yang dijalankan ke atas golongan fakir miskin di daerah yang sama (Ab. Halim dan Zarin 2004)

5.2.5 Perbezaan Yang Wujud Dalam Aspek Jumlah Pendedahan Kepada Media Massa, Pegangan Nilai Akhlak dan Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Pendidikan Islam Berdasarkan Beberapa Pembolehubah Bebas

a) Pendedahan kepada media massa

Ujian-ujian inferensi yang dijalankan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan tahap pendedahan media massa di kalangan kumpulan pelajar dalam beberapa pembolehubah bebas, iaitu aliran akademik pelajar, langganan ASTRO di rumah, kemudahan internet, kekerapan menunaikan solat lima waktu, pencapaian Pendidikan Islam PMR. Manakala, bagi pembolehubah lain, iaitu jantina, kemudahan VCD di rumah, tahap pembacaan al-Quran, dan kekerapan solat berjamaah, dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan dalam pembolehubah tersebut.

b) Pegangan nilai akhlak

Dapatan kajian menunjukkan terdapat pembolehubah-pembolehubah yang mempunyai perbezaan yang signifikan, iaitu jantina, aliran pelajar, tahap pembacaan al-Quran, kekerapan menunaikan solat lima waktu, dan pencapaian pelajar dalam Pendidikan Islam PMR. Ujian-ujian t dan ANOVA yang dijalankan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi kumpulan dalam pembolehubah-pembolehubah berikut; langganan Astro, kemudahan internet di rumah, kemudahan VCD di rumah dan kekerapan solat berjamaah.

c) Persepsi Terhadap Pengajaran Pendidikan Islam

Bagi persepsi pelajar terhadap pengajaran Pendidikan Islam di sekolah mereka, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi pembolehubah-pembolehubah yang berikut: jantina, aliran pelajar, tahap pembacaan al-Quran, kekerapan menunaikan solat lima waktu, dan pencapaian pelajar dalam Pendidikan Islam PMR. Bagi pembolehubah-pembolehubah yang lain, iaitu langganan Astro di rumah, kemudahan internet di rumah, kemudahan VCD di rumah dan kekerapan solat berjamaah, dapatan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan.

5.2.6 Hubungan Antara Beberapa Pembolehubah

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tempoh pendedahan yang tinggi terhadap media massa telah memberikan kesan yang negatif terhadap pegangan nilai-nilai akhlak dan juga terhadap persepsi pelajar ke atas pengajaran Pendidikan Islam. Di samping itu, dapatan juga menunjukkan bahawa minat pelajar terhadap bahan-bahan media massa yang berbentuk hiburan, humor, seram dan lucah turut memberikan kesan yang negatif kepada pegangan nilai akhlak para pelajar. Malah, dapatan juga menunjukkan minat pelajar-pelajar kepada bahan-bahan seperti ini tidak memberikan sebarang sumbangan positif yang signifikan kepada persepsi pelajar terhadap pengajaran Pendidikan Islam yang diberikan di sekolah.

Selain daripada itu, dapatan kajian ini juga telah menunjukkan bahawa minat pelajar-pelajar kepada bahan-bahan media massa yang berbentuk Pendidikan Islam, pengetahuan am dan juga pendidikan memberikan kesan yang positif terhadap pegangan nilai-nilai akhlak dan juga persepsi mereka kepada pengajaran Pendidikan Islam di sekolah mereka. Dapatan juga menunjukkan bahawa persepsi terhadap pengajaran Pendidikan Islam mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan pegangan akhlak pelajar-pelajar. Ini bermakna pelajar yang mempunyai persepsi yang positif terhadap pengajaran Pendidikan Islam akan mempunyai pegangan nilai-nilai akhlak yang lebih baik.

Secara keseluruhannya, dapatan-dapatan daripada kajian ini mempunyai persamaan dengan beberapa kajian yang telah dijalankan oleh Larking (1996), Francis (1997) dan Ab. Halim & Zarin (2004). Pendedahan yang berlebihan kepada media massa yang mengandungi unsur negatif, seperti hiburan yang melampau, seram, humor, dan berunsur lucu, boleh memberikan kesan yang negatif kepada perkembangan diri seorang pelajar serta boleh menghakis tahap keyakinan dan komitmen pegangan nilai-nilai akhlak mereka.

Berdasarkan dapatan-dapatan ini, dapatlah dirumuskan bahawa secara keseluruhannya didapati bahawa pendedahan yang tinggi kepada pelbagai bentuk media massa dan juga minat pelajar kepada bahan-bahan hiburan, humor dan berunsur lucu mempunyai hubungan negatif atau tidak memberi sebarang kesan positif kepada pegangan nilai-nilai akhlak dan tanggapan pelajar terhadap pengajaran pendidikan Islam.

5.3 CADANGAN

Kajian ini telah memperlihatkan kesan negatif media massa terhadap pegangan nilai akhlak serta persepsi pelajar-pelajar terhadap pengajaran Pendidikan Islam. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pendedahan para pelajar Islam di Daerah Kuala Selangor kepada media massa mempunyai hubungan signifikan yang negatif dengan

pegangan nilai akhlak dan padangan pelajar kepada pengajaran Pendidikan Islam. Kajian ini juga menunjukkan bahawa pelajar-pelajar mempunyai minat yang tinggi terhadap bahan-bahan media massa yang berbentuk hiburan. Sehubungan dengan itu terdapat beberapa cadangan yang boleh dikemukakan berdasarkan kajian yang dijalankan iaitu:

- a. Kajian yang lebih khusus perlu dijalankan untuk mengenal pasti kesan media massa kepada pegangan akidah, amalan-amalan harian serta penghayatan Islam pelajar-pelajar ini. Aspek penghayatan dalam kehidupan seharian pelajar merupakan elemen terpenting dalam objektif Pendidikan Islam kerana ia adalah produk yang akan dinilai selepas mempelajari Pendidikan Islam. Fokus perlu diberikan untuk menilai sejauh manakah media massa memberi kesan kepada penghayatan Islam di kalangan pelajar. Kajian ini diharap akan dapat mengenal pasti aspek manakah dalam media massa yang memberikan kesan positif dan negatif kepada pelajar-pelajar. Selain itu, kajian yang menyeluruh juga perlu dilaksanakan di negeri Selangor khususnya dan Malaysia amnya untuk melihat impak media massa yang ada terhadap pegangan nilai akhlak mereka dan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah.
- b. Berdasarkan kajian ini, didapati bahawa aspek hiburan merupakan aspek yang paling diminati oleh pelajar-pelajar ini. Sehubungan dengan itu, bagi memenuhi aspirasi dan minat mereka, program-program hiburan yang berunsur Islam yang berkualiti perlu dilaksanakan secara meluas sebagai satu alternatif kepada hiburan yang dicetak atau divedio secara bulat-bulat daripada barat. Majalah-majalah serta akhbar hiburan Islam perlu diterbitkan bagi memberi pilihan kepada pelajar-pelajar mengetahui artis-artis yang membawa konsep dakwah dan Islam dalam program-program hiburan yang dijalankan. Ini sebagai satu saingan dan pilihan kepada majalah-majalah hiburan yang sedia ada dalam pasaran yang tidak menitik berat soal-soal yang berkaitan dengan akhlak Islam dalam kandungannya.
- c. Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di bilik darjah seharusnya lebih menarik dan dapat menyaingi atau sekurang-kurang mengimbangi kelebihan tarikan

yang ada dalam media massa. Ini adalah untuk memastikan pelajar-pelajar akan mendapat input yang maksimum dan seterusnya dapat menghayati pengajaran Pendidikan Islam yang diberikan kepada mereka. Sehubungan dengan itu, latihan dan kursus yang berkaitan dengan kemahiran komunikasi, media pengajaran dan membina serta pembangunan bahan pengajaran terkini yang berasaskan perkembangan teknologi semasa perlu diadakan. Ini akan dapat memantapkan kaedah tradisi yang sedia ada agar ianya dapat disesuaikan dengan kehendak dan minat terkini pelajar-pelajar. Guru-guru perlu dapat memahirkan pengajaran yang berasaskan teknologi agar kualiti keberkesanan pengajaran mereka dapat dipertingkatkan. Selain daripada itu, guru-guru juga perlu memberikan perhatian kepada isu-isu semasa berkaitan dengan remaja yang sering muncul di dalam media massa di negara kita. Antara aspek yang perlu diberi perhatian ialah perkara negatif seperti pengakuan mereka bahawa *dating* merupakan perkara lumrah bagi pasangan bercinta, berpuas hati dengan apa yang diperolehi, kepercayaan kepada tahyul, pakaian artis yang tidak Islamik, unsur-unsur keganasan dan kezaliman.

- d. Ibubapa perlu diberikan panduan untuk membantu anak-anak mereka memahami cabaran semasa yang dibawa oleh media massa, khususnya dalam aspek hiburan. Satu garis panduan yang berasaskan pendidikan anak-anak perlu dibina untuk membantu ibu bapa membimbing anak-anak remaja masa kini semasa berhadapan dengan program atau rancangan yang disiarkan oleh media massa, khususnya media elektronik.

RUJUKAN

- _____. 1412H. *Al-Quran dan terjemahannya*. Saudi Arabia: Khadim al Haramain asy syarifain.
- Ab. Halim Tamuri. 2000. "A study of students' knowledge of akhlaq of the Malaysian Secondary Education". Tesis PhD, Universiti of Birmingham.
- Ab. Halim Tamuri. 'Development of School Curriculum in Muslim Countries: The Malaysian Post-Independence Experience', *Muslim Education Quarterly*, Vol. 18, No. 3, 2001. ms. 22-37.
- Ab. Halim Tamuri. 'The Impact of British Educational Policy on the Malay-Muslim Community in Malaysia', *Muslim Education Quarterly*, Vol. 18, No. 4, 2001. ms. 4-16.
- Ab.Halim et al. 2002. "Kurikulum Pendidikan Islam Menghadapi Cabaran Era Globalisasi", dalam *Prosiding Wacana Pendidikan Islam*. UKM. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Ab. Halim Tamuri, Shahrin Awaluddin dan Tajul Ariffin Nordin. 2003. Fungsi surau dan keberkesannya dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam: Satu kajian di sekolah-sekolah menengah negeri Selangor. *Laporan Kajian Laluan Pantas*. UKM: Fakulti Pendidikan.
- Ab. Halim bin Tamuri dan Zarin Ismail. 2004. "Pengaruh media massa terhadap pegangan nilai akhlak remaja: Kajian ke atas fakir miskin di kawasan luar bandar". Kertas kerja Seminar Antarabangsa Nilai dalam Pasca Modernisme (SIVIC 2004), Hotel City Bayview, Langkawi Kedah, Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan, UUM, 4-6 September 2004.
- Ab. Halim et al. 2004. "Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar". Laporan Kajian Fakulti Pendidikan, UKM dan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral.
- Ab Halim Tamuri dan Azhar Ahmad. 2004. *Enhancing Teachers Professionalism: A tawheedic paradigm*. Kertas kerja dibentangkan dalam International Seminar on Islamic Thought, pada 24-27 Disember 2004, dianjurkan oleh Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Abdul Fattah Abu Ghuddah. 2001. *Nabi Muhammad: Guru dan pendidik terunggul*. Negeri Sembilan. M Khairi Enterprise.
- Amman, Ibrahim Nasir. 1979. *Muqaddimah fi al-tarbiyyah*, n.p.: n.pub..
- Ahmad, Khurshid. 1967. *Principles of Islamic Education*. Lahore: Islamic Publications.

- Al-Attas, Syed Muhammad al-Naquib 1979. "Preliminary Thoughts on the Nature of Knowledge and the Definition and Aims of Education" in S.M.N. al-Attas (ed.). 1979. *Aims and objectives of Islamic education*. Jeddah: King Abdulaziz University.
- Al-Attas, Syed Muhammad al-Naquib. 1978. *Islam and secularism*, Kuala Lumpur, ABIM.
- Al-Attas, Syed Muhammad al-Naquib. 1980. *The concept of education in Islam*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Al-Ghazali, Ahmad Muhammad bin Muhammad, t.t. *Ihya' `Ulum al-Din V Vols*, Beirut: Dar al-Ma`rifah.
- Al-Qardawi, Yusof. 1981. *Khasais al-`Ammah lil Islam*. Qaherah: Maktabah Wahbah.
- Ataullah Siddiqui, 1997. "Ethics in Islam: Key Concepts and Contemporary Challenges". *Journal of Moral Education* **26 (4)**: 423-431.
- Azami, Aqbal Ahmad. 1990. *Muslim manners*. Leicester: UK Islamic Academy.
- Babbie, Earl. 1986. *The practice of social research*. California: Wadsworth Publishing.
- Bakar, Osman. 1992. *Classification of knowledge in Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Berk, Laura E. 1994. *Child Development*. Massachusetts: Allyn & Bacon.
- Bommel, Abdul Wahid. 1998. "Media ethics of Muslims in the age of cross cultural communication". *Muslim Education Quarterly*, **Vol. 15. No. 4**, ms.61-75.
- Bull, N. J. 1969. *Moral judgement from childhood to adolescence*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Burns, Roberts B. 2000. *Introduction to research methods*. London: Sage Publication.
- Damon, William dan Colby, Anne. 1996. "Education and Moral Commitment", *Journal of Moral Education* **25(1)**: 31-37.
- De Vaux, D., D. 1934. "Akhlaq" *The Encyclopedia of Islam Vol. 1*. London: Luzac and Co.
- Dewey, J. 1959. *Moral principles in education*. New York: Greenwood Press Inc.
- Durkheim, E. 1973. *Moral education: A study in the theory and application of the sociology of education*. New York: The Free Press.

- Eggen, P. and Kauchak, D. 1997. *Educational Psychology*. New Jersey: Prentice Hall.
- Fazlur Rahman, 1985. "Law and Ethics in Islam". in Hovannisian, R.G. (ed.) *Ethics in Islam*. California: Udena Publications.
- Francis, L.J. 1997. "The socio-psychological profile of the teenage television addict". *Muslim Education Quarterly*, Vol. 15, No. 1, ms.6-19.
- Gilligan, C. (1982). *In differenct voice: Psychology theory and women's development*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Halstead, J. Mark. 1996. "Liberal Values and Liberal Education", in J. Mark Halstead and Monica J. Taylor (eds.). 1996. *Values in education and education values*. London: The Falmer Press.
- Halstead, John Mark. 1995. "Towards a Unified View of Islamic Education". *Islam dan Christian Muslim-Relations* 6 (1):25-43.
- Haneef, Suzaane. 1979. *What everyone should know about Islam and Muslims*. Lahore: Kazi Publication.
- Hassan Langgulung, 1993. "Curriculum Development and Text Book Production in Lower and Upper Secondary", *MEQ*, Vol. 10. No. 3 (Spring), pp. 23-32.
- Ibn Qudmah, Ab. Muhammad Abdullah bin Ahmad. 1985. *Al-Mughn 11 Vols.*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Kay, William. 1975. *Moral education a sociaological study of the influence of society, home and school*. London: George Allen & Unwin Ltd.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 1980. *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kohlberg, L., dan Turiel, E. 1971. Moral development and moral education. Dlm. G. Lesser (Ed.), *Psychology and educational practice*. Chicago: Scott, Foresman & Company.
- Larking, Lewis. 1997. "Television, popular culture and humiliation of written word". *Muslim Education Quarterly*, Vol. 15, No. 1, ms. 38-44.
- MacKinnon, Barbara. 1995. *Ethics: Theory and contemporary issues*. Belmont: Wadsworth Publishing Company.
- Ministry of Education. 1989. *Education in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.


- Miskawih, Ahmad ibn Muhammad. 1966. *Tahdhib al-Akhlaq* (diedit oleh C.K. Zurayk). Beirut: University of America Beirut.
- Mitchell, Jolyon. 1998. "Rediscovering the value of radio in a mass media culture". *Muslim Education Quarterly*. Vol. 16, No. 1, ms. 51-64.
- Mohd Kamal Hassan, 1995. "World-View Orientation and Ethics: A Muslim Perspective". *Jurnal IKIM 3 (1)*, 1-24.
- Mohd Kamal Hassan, 1988. *Pendidikan dan Pembangunan Suatu Prespektif Bersepadu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Mohd. Sharif Khan. 1986. *Islamic Education*. New Delhi: Ashish Publishing House.
- Mohd. Sharif Khan. 1987. "Humanism and Islamic Education". *Muslim Education Quarterly*, 4(3): 25-35.
- Mughess-uddin, 1997. "An Islamic Framework of Media Ethics: Problems and Challenges". *Hamdard Islamicus Vol. XX, No. 4*, ms. 57-67.
- Mukherjee, Hena. 1988. "Moral Education in a Developing Society: The Malaysian Case" in Cummings, William K. (ed.), *The Revival of Values Education in Asia and The West*, Oxford: Hazell Watson & Viney, pp. 147-162.
- Nagesweraray a/l Ramamoorthy. (1989). *Persepsi guru sekolah rendah terhadap Pendidikan Moral di Daerah Klang dan Hulu Langat*. Laporan Praktikum utk. Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nasr, Seyyed Hossein. 1987. *Traditional Islam in the modern world*. London: Kegan Paul.
- Niblett, W., R. 1963. *Moral education in a changing society*. London: Faber and Faber Limited.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. 1990. *Pukal Latihan KBSM*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. 1991. *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. 1992. *Falsafah Pendidikan Negara*, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rosnani Hashim, 1996. *Educational dualism in Malaysia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.

- Salma Ishak, 1984. "Ibubapa dan Guru Dalam Tanggungjawab Bersama Terhadap Pendidikan dan Asuhan Kanak-Kanak". *Jurnal Kebajikan Masyarakat*, **5 (1)**: 35-42.
- Syed Ali Ashraf, 1988. "A View of Education-An Islamic Perspective" in Bernadette O'Keeffe (ed.) 1988. *Schools for tomorrow: Building walls or building bridges*. Sussex: The Falmer Press. ms.69-79.
- Syed Ali Ashraf, 1996a. "The Islamic Concept of Sex as the Basic of Sex Education". *Muslim Education Quarterly*, **Vol. 13. No. 2**. ms. 1-3.
- Syed Ali Ashraf, 1996b. "Family, Values and Education". *Muslim Education Quarterly*, **Vol. 14. No. 1**. ms. 1-6.
- Syed Ali Ashraf, 1997a. "What Sort of Students an Islamized University Education Ought to Produce". *Muslim Education Quarterly*, **Vol. 14. No. 2**. ms. 1-4.
- Syed Ali Ashraf, 1998. "The Concept of Sex in Islam and Sex Education, *Muslim Education Quarterly*, **Vol. 15. No. 2**. ms. 37-43.
- Syed Ali Ashraf, 1994. "Faith-Based Education: A Theoretical Shift from the Secular to the Transcendent", *Muslim Education Quarterly*, **Vol. 11, No. 2**. ms.1-4.
- Syed Ali Ashraf, 1997. "Mass Media Communications, Religion and Education". *Muslim Education Quarterly*, **Vol. 15, No. 1**, ms.1-3.
- Syed Ali Ashraf, 1997b. "Mass media Communication, Religion and Education. *Muslim Education Quarterly*, **Vol. 15. No. 1**. ms.1-3.
- Syed Ali Ashraf. 1985. *New Horizon in Muslim Education*. Cambridge: The Islamic Academy.
- Syed Othman Alhabshi, "Values and Ethics: Towards Enhancing Quality and Productivity in the Public Service", *Jurnal IKM*, **Vol. 3, No.2** (Julai-Disember 1995), pp. 47-48.
- Syed Sajjad Husain and Syed Ali Ashraf. 1979. *Crisis in muslim education*, Jeddah: Hodder and Stoughton.
- Tajul Ariffin Noordin dan Nor' Aini Dan. 2002. *Pendidikan dan Pembangunan Manusia: Pendekatan Bersepadu*. Bangi : As-Syabab Media.
- Wan Mohd. Zahid Noordin, 1993. *Wawasan pendidikan agenda pengisian*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Wazler, R and Gibb, H., A., R. 1960. "Akhlak" in *The Encyclopedia of Islam New*, **Vol. 1**. London: Luzac and Co.

Woolfolk, A.E. 1998. *Educational psychology*. Boston: Allyn and Bacon.

Woolfolk, Anita E. 1995. *Educational Psychology 6th ed.* Massachusetts: Allyn & Bacon.

Zarin Ismail, Ab. Halim Tamuri Khadijah Abdul Razak. "Falsafah Pendidikan Negara (FPK) dalam Konteks Wawasan 2020: Pengalaman Malaysia". Kertas Kerja Seminar Pendidikan Serantau, Pekanbaru, Indonesia, 15-16 Mei 2003.



يونيورسيتي كيتسان مليسيا

**PROJEK PENYELIDIKAN 2004
FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

**PENDIDIKAN ISLAM DAN PENGARUH MEDIA MASSA:
SATU KAJIAN AKHLAK PELAJAR-PELAJAR DI KAWASAN LUAR BANDAR**

PANDUAN MENJAWAB BORANG SOAL SELIDIK:

1. Tujuan kajian ini ialah untuk meningkatkan tahap pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah.
2. Borang soal selidik ini bukan satu ujian.
3. Semua maklumat yang anda nyatakan akan dirahsiakan oleh penyelidik.
4. Anda **TIDAK PERLU** menulis nama di dalam borang soal selidik ini.
5. Borang soal selidik ini mempunyai **EMPAT BAHAGIAN** iaitu Bahagian A, B, C dan D.
6. Jawab **SEMUA** soalan yang diberikan.
7. Sila jawab dengan jujur dan ikhlas berdasarkan kepada pandangan anda yang sebenar.

TERIMA KASIH DI ATAS KERJASAMA YANG ANDA TELAH BERIKAN

**DR. AB. HALIM BIN TAMURI
HAJI ZARIN BIN ISMAIL
Fakulti Pendidikan,
Universiti Kebangsaan Malaysia**

**PENDIDIKAN ISLAM DAN PENGARUH MEDIA MASSA:
SATU KAJIAN AKHLAK PELAJAR-PELAJAR DI KAWASAN LUAR BANDAR**

(BORANG SOAL SELIDIK PELAJAR)

BAHAGIAN A: MAKLUMAT LATAR DIRI

Arahan : Sila isi tempat kosong dengan maklumat yang tepat.
dan tanda \surd di tempat yang sesuai.

A1. Nama Sekolah: _____

A2. Aliran akademik : _____

A3. Jantina :

a. Lelaki

b. Perempuan

A4. Pendapatan ibubapa/penjaga

Bapa

Ibu

a. Tidak bekerja

b. Kurang RM500.00 sebulan

c. RM501 hingga RM1000 sebulan

d. RM1001 hingga RM1500 sebulan

e. RM1501 ke atas

A5. Keputusan mata pelajaran Pendidikan Islam anda di peringkat PMR.

a. Gred A

b. Gred B

c. Gred C

e. Gred E

d. Gred D

A6. Tahap pendidikan al-Quran

- a. Telah khatam al-Quran
- b. Belum khatam dan masih mengaji al-Quran
- c. Belum khatam dan berhenti mengaji al-Quran
- d. Tidak pernah mengaji al-Quran

A7. Sembahyang lima waktu sehari semalam

- a. Sentiasa
- b. Agak kerap
- c. Kadang-kadang
- d. Jarang-jarang
- e. Tidak pernah

A8. Sembahyang berjemaah di Surau/Masjid

- a. Sentiasa
- b. Agak kerap
- c. Kadang-kadang
- d. Jarang-jarang
- e. Tidak pernah

A9. Adakah anda mempunyai saluran ASTRO di rumah?

Ya Tidak

A10. Adakah anda mempunyai internet di rumah ?

Ya Tidak

A11. Adakah anda mempunyai pemain VCD/DVD di rumah ?

Ya Tidak

BAHAGIAN B: PELAJAR DAN MEDIA MASSA

ARAHAN : Untuk soalan **B1 hingga B7**, sila bulatkan jawapan anda dengan menggunakan skala berikut:

- 0 = TIDAK PERNAH**
- 1 = KURANG DARI 5 JAM SEMINGGU**
- 2 = 6 JAM HINGGA 10 JAM SEMINGGU**
- 3 = 11 JAM HINGGA 15 JAM SEMINGGU**
- 4 = 16 JAM HINGGA 20 JAM SEMINGGU**
- 5 = LEBIH DARIPADA 21 JAM SEMINGGU**

Secara purata, berapa lamakah anda meluangkan masa **DALAM SEMINGGU** untuk perkara-perkara yang berikut :

NO	AKTIVITI HARIAN ANDA	SKALA AKTIVITI SEHARIAN					
B1	Menonton televisyen	0	1	2	3	4	5
B2	Menonton VCD/DVD	0	1	2	3	4	5
B3	Mendengar radio	0	1	2	3	4	5
B4	Membaca majalah	0	1	2	3	4	5
B5	Melayari laman web	0	1	2	3	4	5
B6	Membaca surat khabar	0	1	2	3	4	5

ARAHAN : Untuk soalan **B8 hingga B53**, sila tandakan \checkmark bagi jawapan anda berdasarkan skala berikut:

- 1 = SANGAT TIDAK BERMINAT**
- 2 = TIDAK BERMINAT**
- 3 = KURANG BERMINAT**
- 4 = BERMINAT**
- 5 = SANGAT BERMINAT**

NO.	JENIS RANCANGAN TELEVISYEN	SKALA				
		1	2	3	4	5
B7	Hiburan					
B8	Sukan					
B9	Humor					
B10	Misteri/Seram					
B11	Pendidikan					
B12	Agama					
B13	Pengetahuan Am/Discovery					
B14	X – rated / Lucah					

NO.	JENIS RANCANGAN RADIO	SKALA				
		1	2	3	4	5
B15	Hiburan					
B16	Sukan					
B17	Humor					
B18	Misteri/Seram					
B19	Pendidikan					
B20	Agama					
B21	Pengetahuan Am					

NO.	BAHAGIAN SURAT KHABAR	SKALA				
		1	2	3	4	5
B22	Hiburan					
B23	Sukan					
B24	Humor					
B25	Misteri/Seram					
B26	Pendidikan					
B27	Agama					
B28	Pengetahuan Am					

NO.	JENIS MAJALAH	SKALA				
		1	2	3	4	5
B30	Hiburan					
B31	Sukan					
B32	Humor					
B33	Misteri/Seram					
B34	Pendidikan					
B35	Agama					
B36	Pengetahuan Am					
B37	X – rated / Lucah					

NO.	JENIS LAMAN WEB (JIKA BERKAITAN)	SKALA				
		1	2	3	4	5
B38	Hiburan					
B39	Sukan					
B40	Humor					
B41	Misteri/Seram					
B42	Pendidikan					
B43	Agama					
B44	Pengetahuan Am					
B45	X – rated / Lucah					

NO.	JENIS PROGRAM VCD/DVD (JIKA BERKAITAN)	SKALA				
		1	2	3	4	5
B46	Hiburan					
B47	Sukan					
B48	Humor					
B49	Misteri/Seram					
B50	Pendidikan					
B51	Agama					
B52	Pengetahuan Am					
B53	X – rated / Lucah					

BAHAGIAN C: NILAI, AKHLAK DAN PENGARUH MEDIA MASSA

ARAHAN : Untuk soalan C1 hingga C32, dan D1 hingga D14, sila tandakan \surd bagi jawapan anda berdasarkan skala berikut:

- 1 = SANGAT TIDAK SETUJU
 2 = TIDAK SETUJU
 3 = KURANG SETUJU
 4 = SETUJU
 5 = SANGAT SETUJU

NO.	ITEM	SKALA				
		1	2	3	4	5
C1	Saya mempunyai matlamat hidup yang jelas					
C2	Saya merasakan bahawa hidup saya bermakna/bernilai					
C3	Saya mempunyai tanggungjawab sebagai hamba Allah					
C4	Saya sering TIDAK berpuas hati dengan apa yang saya perolehi					
C5	Saya selalu merasa tertekan dalam menjalani kehidupan di dunia ini					
C6	Hidup saya penuh kekecewaan/kesedihan					
C7	Belajar di sekolah amat membosankan					
C8	Saya merasa seronok apabila bersama rakan-rakan di sekolah					
C9	Sekolah membantu saya dalam menjalani kehidupan seharian					
C10	Guru-guru di sekolah menjadi model/contoh teladan kepada saya					
C11	Saya sering merasa risau dengan ujian/peperiksaan di sekolah					
C12	Saya merasa bangga dengan sekolah saya					
C13	Saya seorang yang yakin dengan agama Islam yang saya anuti					
C14	Saya akan mendahulukan amalan agama daripada perkara-perkara lain					
C15	Saya percaya dengan pembalasan daripada Allah selepas mati					
C16	Kitab al-Quran menjadi panduan utama hidup saya					

C17	Saya percaya bahawa hantu/tahyul boleh memudaratkan kita					
C18	Saya percaya kepada ramalan bintang/horoskopik					
C19	Merokok bukan satu amalan yang buruk					
C20	Pergaulan antara lelaki dan perempuan TIDAK perlu disekat pada zaman ini					
C21	<i>Dating</i> adalah perkara biasa bagi pasangan yang bercinta					
C22	Fesyen pakaian artis/selebriti mempengaruhi pemilihan pakaian saya					
C23	Ibu bapa kita seharusnya mencontohi cara-cara ibu bapa di barat dalam mendidik anak-anak mereka					
C24	Jiran tetangga perlu mengambil peduli tentang apa yang dilakukan oleh anak-anak jiran mereka					
C25	Saya berpendapat rancangan-rancangan TV banyak memberi pengetahuan seks kepada saya					
C26	Adegan/gambar yang menjolok mata dalam media massa merisaukan saya					
C27	Kisah tentang keruntuhan keluarga yang disiarkan dalam media massa memberi kesan negatif kepada saya					
C28	Saya lebih suka menonton rancangan TV dan VCD yang berunsur seks					
C29	Seks luar nikah adalah amalan yang diterima oleh masyarakat hari ini					
C30	Media massa banyak menyiarkan rancangan/bahan yang memupuk akhlak remaja					
C31	Saya suka menonton rancangan yang berunsur keganasan					
C32	Saya TIDAK berminat menonton rancangan yang berunsur kekeluargaan					

BAHAGIAN D: PENDIDIKAN ISLAM DAN PENGARUH MEDIA MASSA

NO.	ITEM	SKALA				
		1	2	3	4	5
D1	Pendidikan Islam adalah mata pelajaran penting di sekolah					
D2	Pelajar-pelajar Islam TIDAK sepatutnya diwajibkan belajar subjek Pendidikan Islam di sekolah					
D3	Pengajaran Pendidikan Islam di sekolah berguna kepada saya					
D4	Pendidikan Islam yang saya dipelajari di sekolah dapat memberi panduan kepada saya untuk menilai perkara yang disiarkan oleh media massa					
D5	Rancangan/bahan dalam media massa lebih menarik daripada bahan pengajaran Pendidikan Islam					
D6	Saya akan tetap mengikuti sesuatu rancangan TV/radio walaupun rancangan itu dilarang oleh Islam					
D7	Kaedah pengajaran Islam TIDAK menarik dan setanding dengan persembahan media massa					
D8	Bahan-bahan pengajaran Pendidikan Islam lebih menarik berbanding dengan majalah hiburan/humor					
D9	Persembahan buku teks Pendidikan Islam TIDAK menarik minat saya berbanding dengan persembahan media massa					
D10	Saya menggunakan internet untuk mendapatkan bahan-bahan Pendidikan Islam					
D11	Saya akan berhenti menonton rancangan TV yang saya minati apabila mendengar azan					
D12	Saya merasa kecewa kerana kebanyakan rancangan/bahan dalam media massa bercanggah dengan kandungan Pendidikan Islam yang saya pelajari di sekolah					
D13	Pendidikan Islam dapat mengawal diri saya daripada unsur-unsur negatif yang dibawa oleh media massa					
D14	Pendidikan Islam yang diajar di sekolah sekarang adalah sesuai/ relevan bagi golongan remaja					

PROTOKOL TEMUBUAL PELAJAR

1. Ceritakan tentang diri anda?
 - nama
 - jantina
 - bilangan adik beradik
 - bilangan ke berapa
 - pencapaian akademik
 - pekerjaan bapa/ibu
 - pendidikan ibu/bapa

1. Berapa lamakah anda luangkan masa untuk televisyen, radio, vcd, internet, akhbar dan majalah dalam seminggu?

2. Adakah media massa memberi kesan kepada akhlak anda? Jelaskan.

3. Pada pandangan anda, adakah mata pelajaran Pendidikan Islam yang anda pelajari disekolah dapat mengawal pengaruh dan unsur-unsur negatif yang dibawa oleh media massa? Jelaskan.